

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
 PENGGAL KETIGA  
*Third Session*  
 MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

 Jilid III

Bil. 62

Hari Isnin

10 November 1997

---

 K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998**

Jawatankuasa:

Jadual -

**Maksud B.1 hingga B.13**

(Ruangan )

**Maksud B.14, B.15 dan B.16**

(Ruangan )

USUL-USUL:

**Anggaran Pembangunan 1998**

Jawatankuasa:

**Maksud P.7 dan P.8**

(Ruangan )

**Maksud P.14 dan P.16**

(Ruangan )

Usul Di Bawah Peraturan Mesyuarat 66(9)

**- Cadangan Memotong Gaji Y.B. Menteri Perumahan  
 dan Kerajaan Tempatan.**

**- Y.B. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]**

(Ruangan )

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S.  
(Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji  
Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli  
bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin  
Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’  
Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti  
Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow,  
D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey,  
P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin  
Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael  
Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin  
Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin  
Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,  
Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan  
Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin  
Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar  
Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

“ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

“ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

“ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

“ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.  
(Sabak Bernam)

“ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

“ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

“ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

“ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

“ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

“ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

“ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P.,  
P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

“ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

“ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K.  
J.P. (Hulu Terengganu)

“ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah  
(Pengkalan Chepa)

“ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

“ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

“ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

“ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

“ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P.,  
P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

“ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

“ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.  
(Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.  
(Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.  
(Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang  
Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,  
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

**PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT****Isnin, 10 November 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN****Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.***[Soalan No.1 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*****Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.***[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] tidak hadir]*****OPERASI LRT FASA I - JUMLAH PENUMPANG DAN KESAN  
TERHADAP KESESAKAN LALU LINTAS****3. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan sejak LRT Fasa 1 mula beroperasi:

- (a) berapa jumlah penumpang yang menggunakannya dalam sehari; dan
- (b) sejauh mana ia dapat mencapai hasrat kerajaan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin apalah kiranya Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan

Ahli Yang Berhormat dari SibU pada 12 November dan Ahli Yang Berhormat dari Cheras pada 17 November.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Transit Laju Ringan (LRT) Sistem I Fasa I yang menghubungkan Ampang ke Jalan Sultan Ismail sejauh 12 kilometer telah mula beroperasi secara komersial sejak 16 Disember 1996. Waktu perkhidmatan ialah dari pukul 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dan kekerapan perjalanan perkhidmatan ialah empat minit pada waktu puncak dan pada masa ini bilangan penumpang yang menggunakan LRT Sistem I Fasal I pada setiap hari ialah di antara 55,000 hingga 60,000 orang.

LRT Sistem I Fasa I yang sedang beroperasi dari Ampang ke Pusat Bandar Kuala Lumpur tidak memberi kesan yang besar terhadap pengurangan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur pada masa ini. Ini adalah kerana ia hanya meliputi satu koridor sepanjang 12 kilometer sahaja.

Tahap kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dijangka akan berkurangan apabila sistem-sistem pengangkutan awam yang berintegrasi dan lebih menyeluruh setelah siap seperti LRT Sistem I Fasa 2 siap pada pertengahan tahun 1998, LRT Sistem 2 siap pada pertengahan 1998 dan untuk seksyen I - 1999 untuk seksyen 2. Dan sistem monorel siap pada tahun 1999.

Walau bagaimanapun, keberkesanan sistem pengangkutan awam yang efisien dan berintegrasi di dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur adalah bergantung kepada sikap dan sokongan yang diberi oleh

pengguna jalan raya. Pengguna-pengguna jalan raya hendaklah digalakkan supaya mengurangkan penggunaan kenderaan bersendirian tetapi sebaliknya menggunakan sistem pengangkutan awam yang disediakan.

Semua projek-projek penswastaaan kerajaan iaitu Sistem Transit Laju Ringan dan Monorel dalam Bandaraya Kuala Lumpur adalah dikehendaki menyediakan laporan penilaian alam sekitar (EIA). Kesemua projek ini iaitu LRT STAR dan LRT PUTRA dan Monorel Kuala Lumpur telah mendapat kelulusan EIA terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

Keperluan mendapatkan kelulusan EIA adalah sebagai memenuhi peruntukan yang disyaratkan dalam perjanjian konsesi antara kerajaan dan pemegang konsesi. Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan projek-projek penswastaaan kerajaan iaitu LRT dan Monorel dalam Bandaraya Kuala Lumpur tidak dikehendaki menyediakan laporan EIA.

Kerajaan juga sentiasa memastikan dan mengawasi supaya aspek-aspek keselamatan dipatuhi semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan dan semasa sistem tersebut beroperasi. Kerajaan juga telah membina dan mempertingkatkan beberapa persimpangan jalan di Kuala Lumpur kepada persimpangan bertingkat (multi level interchange) untuk memperbesarkan kapasiti persimpangan-persimpangan tersebut.

Beberapa cadangan lebuhraya bertingkat, elevated highway, dengan izin, juga telah dibina di Bandaraya Kuala Lumpur seperti Ampang Elevated Highway dan Kuala Lumpur Elevated Expressway, ini adalah jalan bertingkat.

Walau bagaimanapun, cadangan untuk mempertingkatkan sesuatu persimpangan jalan adalah berdasarkan kepada kesesakan lalu lintas yang dialami dan kapasiti sedia ada bagi persimpangan tersebut.

Di samping itu, perlu juga diambil kira masalah seperti adanya bangunan-bangunan di kawasan persimpangan yang menjadi punca kesesakan lalu lintas. Kerajaan telah meluluskan beberapa persimpangan lalu lintas bertingkat bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, di persimpangan Jalan Tun Razak dan Jalan Bukit Bintang iaitu dekat Selangor Golf Club, Jalan Tun Razak dan Jalan Ampang iaitu dari Ampang Park itu, Jalan Tun Razak dengan Jalan Semarak, dekat Kampung Baru dan juga Jalan Kelang Lama dan Jalan Syed Putra dan Lebuhraya Persekutuan dekat Angkasapuri dan ini akan dilaksanakan selepas SUKOM untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas. Dengan anggaran kos projek berjumlah RM430 juta semuanya.

Selain daripada projek-projek di atas, kerajaan juga telah meluluskan pembinaan dan menyiapkan jalan lingkaran tengah dua Kuala Lumpur yang meliputi pembinaan Jalan Baru dan menaikkan taraf jalan sedia ada yang merupakan satu jalan pintas bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas dan mengalu-alukan segala tindakan yang begitu gigih dijalankan oleh pihak yang berkenaan untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Tetapi, baru-baru ini,

warga kota Kuala Lumpur telah dikejutkan satu peristiwa yang mana perkhidmatan 'LRT' komuter telah terganggu akibat pada tindakan segelintiran pihak pemandu yang berkenaan hingga menyusahkan pihak pengguna.

Persoalan saya ialah, apakah tindakan-tindakan berbentuk mencegah dan yang positif diambil oleh pihak kementerian yang berkenaan dan pihak yang berkuasa untuk menentukan peristiwa yang serupa tidak berulang lagi.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat komuter itu ialah di bawah Kementerian Pengangkutan, sebab ia dari Shah Alam ke Kuala Lumpur ini, komuter KTM bukan LRT.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa bas pengantara di stesen LRT kurang cekap dan lambat, penumpang-penumpang terpaksa menunggu lama sebelum bas bergerak dan ini melambatkan perjalanan seseorang.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar akan perkara itu malahan kita telah memanggil beberapa kali syarikat-syarikat bas ini untuk meningkatkan perkhidmatan bas feeder iaitu daripada stesen LRT ke tempat kawasan perumahan, itu kita hendak memperbanyakkan. Tetapi pengusaha bas juga menyatakan bahawa kadang-kadang orang tidak cukup untuk naik bas feeder ini pada waktu tertentu hanya berjalan dengan driver sahaja. Tetapi kita sedarlah perkara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Sanusi Daeng Mariok.

*[Soalan No.4 - Y.B. Tuan Dr. Sanusi Daeng Mariok [Rantau Panjang] tidak hadir]*

**KEMUDAHAN TELEFON DAN ATUR  
- JUMLAH KAMPUNG, SEKOLAH DAN RUMAH PANJANG  
YANG TELAH MENIKMATINYA**

5. **Tuan Jacob Dungau Anak Sagan [Baram]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah kampung, sekolah dan rumah panjang yang telah menikmati kemudahan telefon dan ATUR di kawasan luar bandar Sarawak dan khususnya di kawasan Baram. Apakah rancangan kementerian untuk menjamin bahawa kemudahan komunikasi seperti ini boleh dinikmati oleh mereka yang diam jauh di hulu sungai.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong**

**Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan telefon ATUR, Radio In Local Loop (RILL) dan telefon awam sepertimana yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:-

- (i) di kawasan Kuching bilangan kampung, bilangan rumah panjang dan bilangan sekolah yang mempunyai perkhidmatan telefon ialah masing-masing 254, 50 dan 78.
- (ii) di kawasan Sibu, bilangan kampung, bilangan rumah panjang dan bilangan sekolah yang mempunyai perkhidmatan telefon ialah masing-masing 111, 93 dan 37.
- (iii) di kawasan Miri, bilangan kampung, bilangan rumah panjang dan bilangan sekolah yang mempunyai perkhidmatan telefon ialah masing-masing 50,13 dan 32.

Bagi kawasan Baram kemudahan telefon hanya disediakan di sekolah-sekolah sahaja iaitu sebanyak 6 unit di Marudi dan 3 unit di Long Lama.

Pemasangan telefon di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di hulu sungai adalah tidak ekonomikal. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengenalpasti teknologi-teknologi tertentu yang boleh digunakan untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan-kawasan luar bandar dengan kadar yang mampu dibayar oleh rakyat di luar bandar.

Di samping itu, kerajaan juga sedang mengkaji semua universal service obligations, dengan izin, oleh syarikat-syarikat telekomunikasi untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang mencukupi di kawasan luar bandar.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar pada kadar 25 telefon bagi setiap 100 penduduk menjelang tahun 2020.

**Tuan Jacob Dungau Anak Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kegunaan telefon dan ATUR di kawasan kita, kegunaan radio call, dengan izin, juga satu cara perhubungan yang sering diguna oleh stesen-stesen kerajaan dan juga penduduk-penduduk yang jauh dari pedalaman khususnya bagi kawasan saya di Baram.

Dari pengalaman kita, cara perhubungan kita memakai radio call ini adalah out dated, dengan izin. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan lagi kegunaan sistem radio call ini kepada satu sistem yang lebih baik dan berkesan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, pihak kerajaan melalui Telekom Malaysia dan lain-lain syarikat

telekomunikasi memang sedang mengkaji untuk menggunakan teknologi terkini untuk menggantikan teknologi yang sudah obsolete dan sebagainya. Di kawasan Baram khususnya, pihak kementerian memang bersimpati dengan keadaan sekarang, maka saya sebentar tadi, sebelum itu saya telah berbincang dengan pegawai dari Telekom Malaysia, kalau sekiranya ada keperluan, misalan kata Yang Berhormat mengemukakan permohonan, pihak Telekom Malaysia bersedia memberikan pertimbangan untuk memperbanyakkan lagi kemudahan melalui teknologi Radio in Local Loop (RILL) untuk kawasan Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedia menimbangkan untuk mengurangkan bayaran perkhidmatan telefon luar bandar di Sarawak?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun lepas bulan Julai 1996, sewa bulanan di kawasan luar bandar telah pun dikurangkan, telah di standardise ialah RM25 satu bulan dibandingkan sebelum itu ada yang kena membayar hingga RM50 ke RM60. Ini telah pun dilakukan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

*[Soalan No. 8 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]*

**SIARAN TV 24 JAM - SALURAN LAIN  
SELAIN TV3 YANG TERLIBAT**

10. **Dr. G Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Penerangan menyatakan tentang adakah siaran TV selama 24 jam akan turut membabitkan stesen-stesen TV lain selain TV3.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd.**

**Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada TV3, TV Satelit ASTRO dan Cable Mega TV juga beroperasi 24 jam.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pada pendapat kementerian, apabila cadangan untuk mengadakan siaran TV selama 24 jam ini, apa alasan sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Alasan yang sebenar, ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kurang jelas sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi soalan saya. Apakah alasan kementerian untuk mengadakan siaran TV 24 jam ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan rakan saya dari Arau tadi iaitu mengenai dengan pihak kementerian, walaupun TV1 dan TV2 kita tidak adakan 24 jam, kerana sedikit sebanyak faktor seperti pekerja yang begitu kita perlukan dan juga kewangan memerlukan. Namun demikian, oleh kerana kehendak masyarakat dan rakyat di negara ini, pada masa yang lalu telah membangkitkan soalan untuk mewujudkan 24 jam TV beroperasi di negara kita perlu diadakan.

Maka setelah kita pertimbangkan keperluan itu, memadailah untuk kita wujudkan dengan adanya TV3, ASTRO dan juga Cable Mega TV, dengan wujudnya itu mudah-mudahan asas yang kita gunakan ialah untuk memberi pilihan kemudahan sedikit sebanyak kepada rakyat di negara ini untuk dapat mendengar pelbagai siaran hiburan, maklumat, bukan hanya dalam jangka masa 12 jam, bahkan dengan jangka masa yang begitu panjang yang mana rakan-rakan kita tidak dapat sempat balik ke rumah, oleh kerana sibuk di bandar ataupun di tempat-tempat bekerja, mungkin di sebelah lewat malam boleh menonton TV. Dengan itu pilihan memang ada.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu, apakah kesan positif dan negatif untuk menjalankan siaran TV 24 jam?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi peringkat awal ini - bangku ini ada, kerana saya dahulu baru duduk di bangku ini, agak sulit sedikit, Tuan Yang di-Pertua, dia terlekat sedikit, mungkin oleh kerana orang baru. *[Ketawa]* Jadi, saya minta pihak Dewan ini menggunakan 'grease' sedikit beri lembut bangkunya.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan kesannya, agak awal sedikit untuk kita mengesan tentang implikasi, sama ada daripada akar umbi, tetapi dari segi kesan keperluan kewangan memang ada. Banyak di antara stesen ini akan menghadapi sedikit sebanyak masalah kewangan kerana sudah pasti dengan adanya siaran-siaran rangkaian, hiburan dan juga rancangan-rancangan dokumentari, sudah pasti akan memerlukan kewangan yang begitu besar dan ini sedikit sebanyak memerlukan sudah pasti dengan izin, financing, yang berat terhadap TV3, ASTRO dan Mega TV.

Walaupun demikian, manfaat kepada keseluruhannya kepada masyarakat kita sudah pasti sudah ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh juga mengurangkan jumlah penduduk-penduduk juga. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]*

#### **PERHEBAT - JUMLAH BEKAS PERAJURIT YANG BERPELUANG MENYERTAINYA**

12. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejak PERHEBAT ditubuhkan, berapa ramaikah bekas perajurit berpeluang menyertai program yang disediakan badan tersebut serta nyatakan pecahan menurut jenis kursus yang diikuti.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera atau PERHEBAT ditubuhkan pada 30 Ogos 1994 sehingga sekarang, seramai 22,959 bekas perajurit telah berpeluang menyertai pelbagai program anjuran PERHEBAT.

Pecahan menurut jenis kursus yang diikuti adalah seperti berikut:-

	<b>Jenis Kursus</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Bilangan Peserta</b>
1.	Kursus Peralihan	melebihi 6 bulan	2,116
2.	Kursus Jangka Pendek	kurang 3 bulan	19,423
3.	Kursus Vokasional	6 bulan	550
4.	Kursus Teknikal	1 tahun 8 bulan	870
	<b>Jumlah peserta</b>		<b>22,959</b>

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini aktiviti PERHEBAT lebih tertumpu kepada usaha-usaha memberi latihan dan kemahiran kepada bakal pesara anggota tentera dalam pelbagai bidang dan berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini seramai 22,959 orang yang telah menerima latihan. Jadi, saya ingin mengetahui tidakkah PERHEBAT sendiri mempunyai rancangan melibatkan diri dalam perniagaan melalui anak syarikat, khususnya yang berkaitan dengan kursus yang dijalankan agar apabila para pelatih ini tamat mengikut kursus, mereka boleh diserapkan ke dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan. Jika

tidak, bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan segala latihan dan kemahiran yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelatih.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tubuh Pertubuhan PERHEBAT tidak membenarkan PERHEBAT secara langsung melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Walau bagaimanapun, pihak PERHEBAT ada membuat beberapa MoU dengan syarikat-syarikat yang sedia ada untuk menempatkan bekas-bekas perajurit ini untuk mendapat latihan ataupun menjalani kursus di syarikat-syarikat yang ada MoU dengan pihak PERHEBAT.

Begitu juga, kumpulan LTAT mempunyai banyak juga syarikat sebagai anak syarikat mereka dan pihak PERHEBAT juga ada mempunyai kerjasama dengan pihak anak-anak syarikat LTAT untuk menempatkan bekas-bekas perajurit untuk mendapatkan latihan mahupun menjalani kursus dengan anak-anak syarikat LTAT.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum itu, tahniahlah Timbalan Ketua UMNO Bahagian kerja gigih dan kuat dan menang pilihan raya kecil - syabas.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Soalan!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Soalannya, ini kawan tak jaga kawan! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, selain dari PERHEBAT, kita juga ketahui bekas perajurit ini merupakan juga ahli-ahli kepada Persatuan Bekas-bekas Perajurit di setiap kawasan Parlimen semuanya ada, saya kira. Apakah hubungan PERHEBAT dengan Persatuan Bekas

Perajurit ini. Adakah dia bekerjasama atau adakah juga PERHEBAT ini menyalurkan juga bantuan kepada Persatuan Bekas-bekas Perajurit, kawasan saya UMNO tidak ada masalah.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya mengucapkan terima kasih di atas ucapan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional di kerusi Changkat Jering N.11. Kita menewaskan PAS sekali lagi. *[Tepuk]*

Yang kedua, itu memang Persatuan Bekas Perajurit mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak PERHEBAT, yang mana program-program latihan ataupun kursus yang diadakan kepada bekas perajurit ini dibuat dengan kerjasama dan melalui Persatuan Bekas Perajurit. Bermakna tidak ada apa-apa percanggahan ataupun masalah dan pihak Presiden Persatuan Bekas-bekas Perajurit duduk dalam Ahli Lembaga Pengarah PERHEBAT yang mana mudahlah bagi pihak PERHEBAT untuk menyelaraskan segala programnya dengan pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

#### **ELAUN KHAS GURU - FORMULA YANG DIGUNAKAN**

13. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) formula elaun khas yang diperuntukkan kepada guru-guru yang bekerja lebih masa; dan
- (b) apakah akan terdapat perbezaan formula untuk guru siswazah dan guru bukan siswazah dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan sedang mengkaji formula dan syarat-syarat cadangan pemberian imbuhan khas kepada guru-guru yang bekerja lebih masa. Ini memandangkan cadangan tersebut merupakan satu unsur baru yang tidak terdapat di bawah Sistem Saraan Baru.
- (b) Perkara ini sedang dalam kajian Kementerian Pendidikan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan, pada masa ini kita begitu kurang guru-guru dalam jurusan Sains, bagi siswazah ataupun bukan siswazah. Ini oleh kerana, mata pelajaran ini sukar dan minat tidak ada pada guru-guru.

Apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan Sijil Kecekapan Khas untuk mata-mata pelajaran Matematik dan Sains dan memberi elaun kepada mereka yang mempunyai Sijil Kecekapan Khas untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan sedar dan peka tentang kekurangan guru-guru terlatih dalam bidang Sains dan Matematik dan Kementerian Pendidikan telah melancarkan beberapa program untuk memperluaskan dan untuk menggalakkan lebih ramai calon dalam bidang tersebut.

Ini termasuk memperbanyakkan jawatan dalam kedua-dua bidang ini untuk memberi guru-guru dalam bidang tersebut dinaikkan pangkat menjadi guru pakar Sains, guru pakar Matematik dan sebagainya.

Berkaitan dengan pemberian elaun khas itu, sekarang pensyarah-pensyarah dan guru-guru di bidang vokasional dan teknik itu iaitu pensyarah-pensyarah di maktab perguruan dan di Politeknik di sekolah-sekolah berkaitan dengan pendidikan vokasional dan sebagainya, kita menjadikan guru-guru dalam critical list itu dan mereka dapat elaun khas. Untuk guru-guru biasa, di bidang Sains dan Matematik, Kementerian Pendidikan belum ada cadangan tersebut.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa di Sabah dan mungkin di Sarawak, elaun hidup susah telah dihentikan dan ini telah menyebabkan banyak guru-guru terutama yang tinggal di luar bandar tidak begitu berminat untuk ditukarkan ke sekolah-sekolah di luar bandar dan kalau ini betul, adakah cadangan untuk mengembalikan elaun hidup susah itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, elaun susah hidup ya.  
*[Ketawa]*

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, soalan berkaitan dengan 'hardship allowance', dengan izin. Memang Kementerian Pendidikan dalam usaha kita memberi 'hardship allowance' ini, kita mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan kalau ada tempat-

tempat yang memenuhi syarat-syarat itu dan guru-guru yang bekerja di tempat-tempat itu memang kita beri 'hardship allowance' itu.

### **CENTRALISED MONITORING SYSTEM - CARA PELAKSANAAN DAN KADAR BAYARAN**

14. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah sistem keselamatan 'centralised monitoring system' akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan keselamatan di negara kita:

- (a) sila huraikan cara pelaksanaannya; dan
- (b) sila nyatakan kadar bayaran skim keselamatan 'centralised monitoring system' yang bakal dilaksanakan ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sebenarnya telah memperkenalkan dan membenarkan penggunaan Centralised Monitoring System (CMS), dengan izin, ini semenjak awal tahun 1990 lagi. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang dilesenkan oleh Kementerian Dalam Negeri sebagai sebahagian daripada sistem keselamatan secara elektronik yang telah sedia ada di dalam pasaran industri perkhidmatan kawalan keselamatan.

Sistem yang telah lama digunakan di negara-negara maju ini telah terbukti berkesan bagi tujuan pencegahan jenayah terutamanya jenayah harta benda.

- (a) Syarikat atau individu boleh menggunakan sistem ini melalui perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang dilesenkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Sistem ini menawarkan

pelbagai pakej perlindungan keselamatan. Kebiasaannya pakej asas yang ditawarkan mengandungi tiga komponen seperti berikut, komponen pertama, ialah pemasangan alat penggera Close Circuit Television System (CCTV), Remote Sensing serta peralatan elektronik yang lain di rumah-rumah kediaman atau kompleks-kompleks perniagaan.

Komponen kedua ialah pusat kawalan yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat kawalan keselamatan berkenaan yang dihubungi melalui talian telefon dengan komponen pertama.

Pusat kawalan ini dihubungkan pula kepada komponen yang ketiga, iaitu terdiri daripada balai polis, bomba, hospital dan tempat-tempat lain yang diperlukan oleh pengguna.

- (b) Kadar bayaran perkhidamtan CMS bergantung kepada harga pasaran jenis peralatan, pakej komponen dan bilangan talian telefon yang digunakan mengikut kehendak pelanggan.

#### **MUFTI - CADANGAN MENYELARAS KUASA DAN TARAF KEDUDUKAN DI SEMUA NEGERI**

15. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang untuk menyelaraskan kuasa-kuasa mufti di semua negeri dan meningkatkan kuasa dan taraf kedudukan mereka dalam bidang tugas mereka.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, yang menjawab pun Muhamad bin Abdullah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bercadang untuk menyelaraskan kuasa-kuasa mufti dalam mengeluarkan fatwa. JAKIM sedang menggubal satu contoh undang-undang untuk negeri-negeri dalam perkara penyelarasan ini supaya diperuntukkan iaitu kuasa bagi mengeluarkan fatwa hendaklah melalui proses-proses yang tertentu, yang diseragamkan di setiap negeri sebelum ianya diwartakan sebagai fatwa. Taraf kedudukan mufti dari segi perkhidmatan telah dinaikkan.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu, apakah kedudukan mufti di negeri Kelantan kerana ianya diperintah oleh yang digelar 'ulama'. Adakah kedudukan mufti itu sama dengan taraf EXCO?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada mana-mana negeri membuat perubahan undang-undang negeri masing-masing yang menaikkan taraf mufti sebagai Ahli EXCO. Negeri Perlis hanya menjemput Mufti turut hadir dalam Mesyuarat EXCO. Saya tidak tahulah bagaimana di Kelantan, kalau dia hendak pinda undang-undang negeri bagi menetapkan mufti dijadikan Ahli EXCO.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada Usul dalam satu seminar yang diadakan di Kuala Lumpur supaya para mufti di seluruh negeri dan di tanah air kita ini dinaikkan taraf kepada taraf

EXCO. Adakah cadangan ini telah pun dipanjangkan kepada Jabatna Perdana Menteri dan sekiranya telah pun dipanjangkan kepada Jabatan Perdana Menteri, apakah tindakan lanjut yang sedang diambil mengenainya?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini tidak ada disampaikan kepada JAKIM, tetapi hakikatnya semua negeri tahu mengenai cadangan supaya mufti dinaikkan taraf sebagai Ahli EXCO. Mengikut peruntukan yang ada sekarang, terpulang kepada setiap negeri sama ada sebagaimana yang saya nyatakan tadi, meminda Perlembagaan negeri untuk menentukan supaya kerajaan negeri boleh melantik mufti sebagai *Ex-Officio* EXCO di negeri-negeri yang terlibat. Jadi, kita tidak menentukan dan mengarahkan supaya negeri-negeri berbuat demikian setakat ini.

### GURU DITAHAN - KESAN

16. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian sedar bahawa kes penahanan seorang guru di Sekolah Rendah Kebangsaan (Cina) Foo Yew 5 di Johor Bahru baru-baru ini dan beberapa peristiwa berkaitan sebelum ini telah mengakibatkan guru-guru berada dalam keadaan tertekan; dan
- (b) apakah garis panduan kementerian terbaru kepada guru disiplin yang menjalankan tugas dalam keadaan tertentu di mana tindakan guru mendisiplinkan pelajar mungkin mendatangkan bahaya kepada mereka.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa kes penahanan seorang guru dari Sekolah Kebangsaan (Cina) Foo Yew 5 di Johor Bahru telah mengakibatkan guru-

guru berada dalam keadaan tertekan. Kes tersebut merupakan kes yang unik yang tidak serupa dengan kes yang berlaku sebelum ini. Namun demikian, ia sudah pun diselesaikan secara damai melalui usaha permuafakatan di antara semua pihak yang terlibat.

(b) Panduan Kementerian Pendidikan kepada guru-guru disiplin yang menjalankan tugas mendisiplin pelajar terdapat di dalam Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah. Buku tersebut antara lain menjelaskan mengenai:-

- (i) konsep dan menjalankan kuasa disiplin;
- (ii) melanggar disiplin dan hukumnya;
- (iii) faktor-faktor yang patut dirangkumi dalam dasar mendudukkan hukuman;
- (iv) pengertian hukuman, bila hukuman dan hukuman yang boleh dikenakan; dan
- (v) peranan guru dalam melaksanakan disiplin sekolah.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, oleh kerana murid sekarang sudah kurang menghormati guru mereka telah menjadikan salah satu sebab para pemuda tidak berminat untuk memasuki profesional perguruan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya, memang boleh dikatakan bahawa, dengan izin, vast majority pelajar-pelajar, memang menghormati guru-guru mereka sedangkan ada banyak ibu bapa yang memberitahu saya bahawa hanya guru-guru yang boleh menasihatkan anak-anak mereka, kalau ibu bapa pun tidak memberi nasihat kepada anak-anak mereka, dia tidak ikut, tetapi kalau nasihat itu diberi oleh guru-guru, mereka selalu ikut.

Namun demikian, memanglah ada kes-kes tertentu di mana kes-kes seperti yang disuarakan dalam soalan ini tadi, Kementerian Pendidikan juga dengan kerjasama pihak yang lain akan menyelesaikan masalah itu. Kementerian Pendidikan yakin bahawa dengan adanya peraturan yang kita akan memperluaskan dan dengan sokongan semua komponen masyarakat tentang kempen kita untuk mempertingkatkan imej dan maruah profesional perguruan itu, kita akan dengan lebih berjaya mempertingkatkan penghormatan pelajar-pelajar kepada guru-guru.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawa didapati disiplin murid sukar dikawal kerana ibu bapa pun susah hendak memberi nasihat berbeza dengan kita dahulu, bererti ini ada perubahan yang sentiasa berlaku perubahan itu dan kesannya kepada murid. Mungkin juga ibu bapa sendiri menghadapi perubahan di alam sekelilingnya.

Jadi, adakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang untuk membuat kajian apakah faktor-faktor yang menyeluruh, yang menyebabkan

murid-murid sekolah kita - begitu agaknya lari daripada disiplin sekolah supaya kita dapat kaji secara menyeluruh dan mengambil tindakan secara menyeluruh. Dan kalau tidak dikaji rancangan ini tidak ada, kenapa rancangan ini tidak dikaji dan apakah hasrat kerajaan sebenarnya dalam soal menangani masalah disiplin murid-murid sekolah yang menjadi semakin buruk.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang itu merupakan satu cadangan yang baik dan Kementerian Pendidikan akan mengambil kira dan mempertimbangkan bagaimana kita boleh melaksanakannya. Namun demikian, tidak boleh dinafikan bahawa dalam era informasi ini, kebanyakan pelajar-pelajar kita selalunya dipengaruhi oleh program televisyen dan sebagainya di mana mereka soalkan nilai-nilai yang bukan sejajar dengan nilai-nilai kita dan mereka selalunya ada pandangan yang berlainan dengan pandangan tradisi dan mungkin itulah antara kebanyakan sebab yang menyebabkan kejadian yang berlaku sekarang.

#### **SUKAN KOMANWEL - JENIS SUKAN DAN USAHA PROMOSI**

17. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah jenis sukan yang disediakan untuk Sukan Komanwel dan apa pula jenis sukan yang tidak akan diadakan. Juga nyatakan sejauh manakah promosi Sukan Komanwel dijalankan di dalam negara dan di luar negara dan apa pula jangkauan kesannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Sukan Komanwel menyenaraikan sebanyak 22 jenis sukan individu. Namun demikian, secara tradisinya setiap Sukan Komanwel sebelum ini hanya

mempertandingkan 10 jenis sukan individu sahaja termasuk sukan olahraga dan renang yang menjadi sukan wajib.

Bagi Sukan Komanwel yang akan diadakan di Kuala Lumpur, sebanyak 16 jenis sukan akan dipertandingkan dan buat pertama kali 5 acara berpasukan iaitu hoki lelaki, hoki wanita, ragbi, kriket dan bola jaring dipertandingkan.

Publisiti dan promosi Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 secara meluas merupakan salah satu faktor penting yang harus diambil kira dalam menjayakan temasya sukan ini. Menyedari hakikat ini, maka pelbagai langkah telah dan akan terus diambil bagi memastikan maklumat mengenai Kuala Lumpur '98 mendapat liputan yang meluas. Program-program telah disusun di dalam dan di luar negara.

Program publisiti di dalam negara meliputi hebahan bahan-bahan makluman dan promosi melalui media elektronik, media cetak, pameran-pameran, pembinaan papan-papan iklan, poster-poster, pamphlet-pamphlet, pembinaan count down board dan pemasangan bunting di sepanjang jalan-jalan strategik. Di samping itu juga, pihak Sukom'98 Berhad telah merancang untuk mengadakan 'Road Show' ke negeri-negeri.

Hebahan di luar negara pula, dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Kesempatan juga diambil untuk menghebahkan Kuala Lumpur '98 semasa persidangan-persidangan, seminar-seminar antarabangsa dan juga semasa acara-acara sukan peringkat antarabangsa di luar negara.

Setakat ini, kementerian belum lagi dapat memastikan sambutan dari pelawat yang akan datang semasa Kuala Lumpur '98 dilangsungkan. Sungguhpun demikian, dari segi penyertaan negara-negara terbabit dari 68 buah negara, 56 daripadanya telah pun mengesahkan penyertaan mereka. Dari segi penjualan tiket pula, setakat ini sejumlah 5 juta telah pun ditempah oleh negara-negara yang terbabit.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sukan berpasukan ini ada pilih-pilih. Saya dapati dalam jawapan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi, bola jari, hoki ada. Tetapi yang tidak adanya bola sepak yang menjadi minat seluruh negara. Jadi, kalau kita perhati bola sepak Coca Cola, kita dapati tidur pun bola sepak, makan pun bola sepak, minum sahaja Coca Cola. Jadi, kenapa bola sepak tidak termasuk dalam acara Sukom ini, sedangkan ia adalah acara berpasukan seperti juga hoki dan juga bola jaring.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk setiap sukan yang dipertandingkan itu bukan dibuat oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan, tetapi dibuat oleh pihak Federation of Commonwealth Games. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan kita utarakan kepada badan induk Komanwel ini dan insya-Allah, mana tahu untuk sukan yang akan datang, bola sepak ini yang kita makan sekali, tidur sekali, apa lagi yang kita buat [*Ketawa*] akan insya-Allah dipertandingkan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak kita meluluskan Akta Sukan baru-baru ini iaitu untuk kita lebih licin lagi perjalanan Sukan Komanwel dan untuk menghapuskan politik dalaman dalam badan-badan sukan ini, adakah badan-badan sukan yang berserabut ini ataupun yang masih tidak berapa betul itu telah dapat diperbetulkan oleh kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Sukan yang telah pun diluluskan buat masa ini tidak dilancarkan oleh kerana pihak kementerian menunggukan ianya diwartakan. Jadi, saya difahamkan bahawa insya-Allah, pada akhir tahun ini semua tindakan undang-undang akan beres diambil dan insya-Allah, selepas itu apa yang berserabut pun, pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

#### **RELA - HAD UMUR UNTUK GUNA SENJATA API**

18. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan had umur anggota-anggota RELA menggunakan senjata api ialah 55 tahun, tetapi sebahagian daripada anggota RELA yang melebihi umur 55 tahun masih lagi cergas dan boleh menggunakan senjata api, adakah kementerian bercadang untuk meminda had umur bagi seorang anggota RELA hingga ke umur 60 tahun dibolehkan menggunakan senjata api.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, hingga kini had umur bagi anggota RELA ialah 18 hingga 55 tahun dan had umur itu masih belum dilanjutkan hingga 60 tahun. Pemberian senjata api juga adalah berpandukan kepada had umur yang ditetapkan seperti yang saya telah sebutkan tadi.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kementerian Dalam Negeri telah menarik balik banyak lesen senapang

patah dan pistol daripada pemilik-pemilikinya. Antara pemilik-pemilik ramai adalah pekebun kecil yang sangat memerlukan senapang dan pistol itu untuk menjaga kebun mereka. Setakat ini mereka telah mengalami kerugian yang besar pada musim buah-buahan dan saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya tindakan tersebut itu diambil dan adakah kementerian bercadang mengembalikan senapang-senapang itu kepada mereka yang mempunyai kebun buah-buahan dan kebun kelapa sawit.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dasar senjata api pada masa kini adalah lebih ketat daripada dahulu di mana Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Polis DiRaja sentiasa mengawal untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak, mereka yang benar-benar menggunakan senjata itu dibawah keadaan yang tidak dapat dielakkan baru dipertimbang untuk dikeluarkan lesen senjata api terutama senapang patah untuk kebun dan pada masa dahulu terdapat ada penyalahgunaan, ada pihak yang walaupun ada kebun, ia dapatkan senapang patah tetapi mereka sendiri tidak menggunakan senjata api dan itu pun bukan digunakan untuk menjaga kebun, ada yang digunakan untuk berburu dan sebagainya, itu bukan keutamaan. Pada hari ini negara kita, kita lebih menggalakkan rakyat supaya apa-apa pun dari segi menjaga keselamatan ataupun musuh tanaman kita lebih menggunakan saluran yang sedia ada, seperti kalau mereka benar-benar ada banyak kebun, banyak musuh tanaman maka Jabatan Pertanian adalah merupakan satu agensi yang memberi rekomendasi yang kuat, kemudian baru dapat pihak polis menimbangkannya.

Pada keseluruhannya dasar kita adalah untuk memperketatkan, bukan sengaja hendak tarik balik lesen itu. Ada pekebun itu yang tidak lagi menggunakan senapang dan menyerahkan senapang itu kepada anak dan sebenarnya anaknya tidak ada pun sepanjang masa di kampung dan ini menjadi tidak sesuai untuk diberi banyak sangat lesen.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya mereka yang telah diberi senjata api baik di luar-luar bandar atau di bandar adalah mereka yang mempunyai rekod yang baik. Apakah kerajaan bercadang supaya mereka yang mempunyai senjata api di luar-luar bandar ini dijemput secara automatik menjadi ahli jawatankuasa RELA ataupun ahli jawatankuasa keselamatan yang boleh menjaga di kawasan tersebut.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa kini dasar kerajaan ialah menggalakkan mereka yang menyertai RELA, baru kita dapat menimbangkan. Yang ada diberikan lesen kerana mereka benar-benar layak pun, kerajaan menggalakkan mereka masuk Pasukan RELA, supaya senjata api itu boleh digunakan dengan lebih sempurna, bukan sahaja ia sebagai seorang individu tambahan pula untuk komuniti sekali.

#### **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997 - KESAN POSITIF**

19. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan kesan positif selepas kelulusan Akta Anti Rasuah 1997. Mengapa selepas kelulusan Akta Anti Rasuah 1997, pemimpin-pemimpin negara dan orang awam pun kurang minat menyentuh tajuk ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini adalah masih terlalu

awal untuk menilai kesan positif Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana akta berkenaan baru sahaja diwartakan dan persediaan hampir siap untuk dikuatkuasakan.

Namun demikian, dalam tempoh kebelakangan ini didapati sokongan yang diberikan oleh masyarakat terhadap BPR telah meningkat berdasarkan bilangan maklumat yang diterima oleh BPR bagi tempoh lapan bulan pertama 1997 bilangannya telah meningkat kepada 7,175 berbanding dengan 5,796 bagi tempoh yang sama tahun 1996.

Pertambahan sebanyak 1,376 maklumat atau 23.8% ini merupakan satu petunjuk positif, positive indicator, dengan izin, bahawa sokongan dan kesediaan masyarakat untuk bersama-sama mencegah rasuah telah turut meningkat.

Adalah tidak tepat mengatakan pemimpin-pemimpin negara dan orang ramai tidak berminat untuk menyentuh isu rasuah selepas Akta Pencegahan Rasuah 1997 diluluskan pada ketika seluruh negara dan sektor mengalami masalah kejatuhan nilai ringgit, sudah pasti isu berkenaan lebih menarik perhatian berbanding dengan isu-isu rasuah.

Namun demikian, kerajaan akan terus berusaha untuk membendung gejala rasuah melalui penguatkuasaan undang-undang dan juga kempen-kempen penerangan dan pendidikan yang sedang dilaksanakan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kelulusan Akta Anti Rasuah 1997 ini parti-parti politik dan juga BBC dan juga NGO ada menganjurkan seminar-seminar anti rasuah untuk meningkatkan kesedaran dan

pandangan orang ramai mengenai rasuah dan telah mendapat sumbangan yang menggalakkan. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan akan menggalakkan aktiviti-aktiviti sedemikian supaya ia menjadi sebahagian kempen untuk melawan rasuah, jikalau ya, apa insentif-insentif yang boleh diberi kepada penganjur-penganjur untuk menganjurkan seminar-seminar sedemikian.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, insentif tidak ada. Badan-badan politik dan NGO boleh mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya gejala rasuah, tetapi yang kita dengar sebaliknya yang pembangkang ini dok tuduh kerajaan rasuah.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Antara kesalahan yang ditetapkan di bawah Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ialah kesalahan yang terdapat di dalam Bahagian 3 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1994. Persoalan saya ialah apakah tindakan kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bahawa politik wang dan juga projek-projek politik yang akan dilakukan semasa berkempen tidak akan berleluasa di Sabah semasa pilihan raya akan datang nanti.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham apa benda 'projek politik'. Yang kita ada ialah projek kerajaan untuk rakyat, untuk masyarakat, itu janji Kerajaan Barisan Nasional. Kalau sekiranya ada rasuah dalam politik, dalam keputusan yang telah dibuat baru-baru ini pun bahawa mahkamah memutuskan kalau sekiranya ada bentuk rasuah bolehlah dilaporkan kepada pihak berkenaan maka kerajaan seperti biasa mematuhi apa-apa

keputusan mahkamah jika sekiranya ada bentuk rasuah dalam masa kempen pilihan raya atau politik. Jadi, laporan itu perlu supaya kita dapat menyelesaikan kes-kes berikut.

### **TEKANAN EKONOMI - LANGKAH MENGHADAPI**

20. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah konkrit kerajaan menghadapi segala kemungkinan tekanan ekonomi kuasa-kuasa besar ekoran kewujudan blok-blok ekonomi dunia dan memandangkan kerapuhan sistem dan kedudukan ekonomi negara dan kesan kepada kejatuhan nilai mata wang negara sejak bulan Julai dan Ogos lalu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, satu dasar utama Malaysia adalah penglibatan secara aktif dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasific (APEC), Kumpulan G-15, Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), Pertubuhan Perdagangan SeDunia (WTO) dan lain-lain lagi.

Melalui kerjasama di dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa ini, Malaysia dapat menghadapi tekanan ekonomi yang timbul dari masa ke semasa. Di peringkat ASEAN, Malaysia dan negara-negara ahli sedang berusaha untuk meningkatkan proses kerjasama dan integrasi ekonomi dalam sektor-sektor perdagangan, perkhidmatan, pelaburan, infrastruktur dan industri.

Dalam sektor perdagangan, usaha ditingkatkan ke arah merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) sebelum tarikh sasaran pada tahun 2003. Bagi sektor perkhidmatan pula, anggota-anggota ASEAN sedang berusaha untuk mempertingkatkan kerjasama dan perdagangan yang lebih bebas melalui pelaksanaan, perjanjian rangka kerja ASEAN mengenai perkhidmatan.

Dalam sektor-sektor lain, seperti pelaburan, infrastruktur dan industri, Malaysia bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain sedang berusaha

untuk meningkatkan kerjasama bagi mencapai daya saing bertaraf dunia di semua bidang. Dengan adanya kerjasama yang rapat ini, hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran menjadi kukuh dan dapat membentuk perlindungan dari tekanan-tekanan luar. Kerjasama erat antara negara-negara anggota ASEAN dapat dilihat dengan lebih jelas berikutan krisis mata wang baru-baru ini di mana semua negara bekerjasama untuk membantu Thailand menghadapi masalah krisis ekonominya.

Selain daripada itu, Malaysia juga terlibat dengan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang beroperasi mengikut undang-undang yang digubal dan dipersetujui oleh semua anggota. Negara-negara anggota WTO terutamanya negara-negara kecil yang menjalankan perdagangan antarabangsa seperti Malaysia adalah dilindungi oleh undang-undang di mana Malaysia merupakan sebahagian daripada negara-negara yang telah menggubal undang-undang tersebut sama semasa Pusingan Uruguay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sejauh manakah pihak kerajaan telah berjaya mewujudkan satu dana atau satu tabung pengukuhan atau stabilisation fund supaya dapat mengemukakan atau mengurangkan kesan kejatuhan nilai mata wang. Adakah kegagalan menubuhkan tabung tersebut menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak berjaya untuk mendirikan satu blok ekonomi serantau untuk menangani masalah sedemikian khususnya apabila Amerika Syarikat telah menjalankan siasatan atau ingin menjalankan siasatan ke atas Petronas dan negara Malaysia kerana menjalankan perdagangan dengan negara Iran.

Bolehkah Yang Berhormat memastikan bahawa bukan sahaja Malaysia sendiri berlawan dengan Amerika Syarikat tetapi juga meminta kerjasama dan juga sokongan daripada semua negara di ASEAN supaya melawan campurtangan daripada Amerika Syarikat di atas hak dan kedaulatan negara kita untuk menjalankan perdagangan dengan negara Iran kerana ia merupakan saya rasa satu daripada prinsip utama perdagangan bebas dan juga kedaulatan negara.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat daripada segi global dahulu, di peringkat

Asia, kalau kita melihat di peringkat Asia, untuk meningkatkan lagi kerjasama serantau ini, cadangan untuk mewujudkan dengan izin, Asian stand by facility sebagai langkah untuk membantu negara-negara membangun di rantau ini menghadapi tekanan daripada serangan spekulasi kes mata wang yang telah diutarakan oleh negara-negara ASEAN dan Jepun.

Cadangan ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi di antara negara-negara ASEAN, Jepun dan IMF semasa Mesyuarat Khas Menteri-menteri Kewangan ASEAN yang dijadualkan pada 1 Disember 1997 di Kuala Lumpur nanti.

Malaysia juga akan menganjurkan mesyuarat di antara Menteri-menteri Kewangan ASEAN dengan Menteri-menteri Kewangan di Australia, China, Hong Kong, SAR China, Jepun dan Republik Korea serta Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Kumpulan G-15 pada 2 Disember 1997. Jadi, kesemua mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ini adalah bertujuan memperolehi kerjasama dari masyarakat antarabangsa untuk menangani masalah-masalah krisis mata wang yang disebutkan tadi.

Selain daripada itu, Malaysia juga telah mencadangkan supaya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia membuat kajian terperinci untuk menangani masalah serangan spekulasi ini. Antara langkah yang telah dicadangkan termasuklah:

- (i) meluaskan skop Piawaian Penyebaran Data Khas (Special Data Dissemination Standard - SDDS) di bawah IMF untuk mempertingkatkan ketelusan dan memperkenalkan pengawal-seliaan ke atas pasaran kewangan menerusi perubahan sistem maklumat perdagangan dunia mengenai pasaran tukaran asing; dan
- (ii) mewujudkan rangka kerja yang membolehkan negara-negara individu sentiasa bersedia untuk bertindak dengan berkesan sekiranya berlaku ketidakstabilan aliran modal.

Jadi, IMF juga akan memaklumkan hasil kajian awalnya ke atas cadangan tersebut semasa mesyuarat Menteri-menteri Kewangan nanti pada 1 hingga 2 Disember 1997.

Mengenai Malaysia sendiri, kita ada benchmark bon yang telah pun kita utarakan dan mendapat sambutan yang hangat.

Soalan yang ketiga, mengenai krisis di Iran di mana Malaysia masuk dan juga kita minta persetujuan daripada negara-negara ASEAN, saya rasakan perkara itu terkeluar daripada soalan asal.

### **KOMPUTER DI KALANGAN MURID SEKOLAH - LANGKAH MENINGKATKAN PENGETAHUAN**

**21. Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah yang sedang dan akan diambil untuk meningkatkan tahap celik komputer di kalangan murid di sekolah. Sila juga menyatakan bilangan guru yang telah dilatih dalam bidang ini supaya mereka boleh mengajar komputer.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah yang bertujuan meningkatkan tahap celik komputer di kalangan murid sekolah melalui program komputer dalam pendidikan. Ia merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) literasi komputer;
- (ii) pengajaran dan pembelajaran berpandu komputer;
- (iii) jaringan pendidikan atau Edunet;
- (iv) pusat sumber elektronik;
- (v) asas pengendalian komputer dan pemprosesan perkataan;
- (vi) program pengkomputeran; dan
- (vii) program autocad dalam reka cipta.

Dalam perancangan jangka panjang, Kementerian Pendidikan akan membekalkan komputer ke sekolah rendah dan sekolah menengah ke seluruh negara secara berperingkat-peringkat tanpa mengira lokasi atau kedudukan sekolah. Guru-guru yang terlibat dengan program literasi komputer dan pengajaran dan pembelajaran berpandu komputer telah diberi pendedahan dan jumlah ini meliputi guru-guru di 230 buah sekolah menengah dan 20 buah sekolah rendah. Bagi program autocad, semua guru di sekolah menengah atas sebanyak 146 buah sekolah menengah atas telah mendapat pendedahan program tersebut.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai masalah membekal komputer di sekolah-sekolah memandangkan tidak ada bekalan elektrik. Jadi, saya fikir dasar memberi komputer ini adalah selaras dengan dasar kerajaan ataupun negara untuk membangun ke arah masyarakat yang bermaklumat. Tetapi masalahnya ialah murid-murid di luar bandar bukan sahaja ketinggalan oleh kerana tidak ada mempunyai komputer tetapi tidak ada bekalan elektrik dan kadang kala komputer yang dibekalkan itu tidak dapat digunakan. Jadi, adakah kementerian sedar bahawa semakin jauh atau semakin lama kita

mengamalkan program ini, semakin besar perbezaan di antara murid-murid di bandar dan di luar bandar. Kalau sedar, apakah tindakan untuk memperbetulkan keadaan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang dan akan terus berusaha dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkenaan khususnya Tenaga dan sebagainya supaya masalah bekalan elektrik kepada sekolah-sekolah di kawasan pedalaman itu bukan sahaja akan diatasi tetapi diatasi secepat mungkin supaya sekolah-sekolah tersebut juga menikmati kemudahan yang selesa. Untuk sekolah-sekolah tersebut juga, Kementerian Pendidikan ada cadangan bahawa sekolah-sekolah tersebut menggunakan local generator, dengan izin, supaya mereka bolehlah dari masa sekarang menikmati keadaan, termasuklah menikmati kemudahan komputer dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 4, 6, 7, 8, 9, 11 dan 22 hingga 34 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9,**

**B.10, B.11, B.12 dan B.13 [Jadual] -**

**Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi:** Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyambung jawapan.

**3.37 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya menyambung penggulungan, ingin saya merakamkan di sini ucapan tahniah kepada Barisan Nasional yang telah menang dalam pilihan raya kecil, [*Tepuk*] bukan satu, tetapi dua iaitu Sungai Bakap dengan Changkat Jering. Yang kalah, duduk diamlah. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong dalam hujahnya telah bertanya berkenaan dengan 8 orang yang telah ditahan di bawah ISA. Saya ingin menyatakan di sini bahawa oleh kerana perkara ini telah dilakukan di bawah undang-undang yang ada di dalam negara kita, maka sudah tentulah lambat laun ianya akan dimaklumkan kepada orang ramai. Jadi, kita semua tahu bahawa dalam akhbar telah pun dilaporkan kenyataan daripada Ketua Polis Negara sendiri berkenaan dengan penangkapan terhadap mereka di bawah ISA ini dan ianya tidak diumumkan lebih awal kerana sudah tentulah ada lagi yang lain yang perlu ditangkap dan kita tidak memberi mereka maklum awal supaya mereka tidak dapat menghilang atau melarikan diri. Jadi, sebab-sebab mengapa mereka ini ditahan telah pun diberi makluman dan saya rasa tidak ada apa-apa hujah tambahan yang hendak saya berikan berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat dari Tanjong pun.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bukankah keputusan pihak kerajaan menyalahgunakan undang-undang dengan menahan 10 orang di bawah ISA termasuk seorang pensyarah di universiti baru-baru ini adalah bercanggah dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa ISA akan dikaji semula dan termasuk mungkin dikurangkan kesan negatif ke atas hak asasi manusia supaya sekurang-kurangnya prinsip undang-undang - rule of law, natural justice dapatlah dihormati. Dengan menggunakan tahanan tanpa memberikan peluang mereka dihadapkan ke mahkamah, bukannya ini bercanggah dengan apa yang dijanjikan oleh pihak kerajaan selama ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kita ada banyak undang-undang dalam negara kita dan dari masa ke semasa kita akan menyatakan bahawa kita akan mengkaji akta-akta ini. Tetapi apabila kita mengkaji bukan bermakna bahawa akta itu waktu kita kata kita hendak kaji, maka akta itu digantung. Kalau begitu, bermakna kalau kita kata kita akan kaji undang-undang yang mengatakan pembunuhan itu menjadi jenayah, kita hendak kaji, apakah waktu kita hendak kaji, orang terus membunuh, kita tidak tangkap dia. Jadi, Yang Berhormat ini saya ingat tidak faham perkataan 'kaji'. Kita mengkajilah.

Dalam masa yang sama, apabila ada berlaku perkara seperti yang sangat sensitif seperti yang ditangkap baru-baru ini berkenaan dengan syiah dan syiah ini satu perkara yang sebenarnya boleh menjejaskan keselamatan kerana ia merupakan satu perkara sensitif bagi orang Islam. Apakah kerana Timbalan Perdana Menteri kata hendak kaji, maka kita tidak tangkap dia. Undang-undang itu tidak tergantung disabitkan oleh kenyataan hendak dikaji. Jadi, saya ingat tidak ada percanggahan yang berlaku di sini di antara apa yang dilakukan penangkapan itu dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong juga bercakap tentang Sungai Bakap. Dia tidak ada hari ini, saya ingat dia berkabung, dia hantar anak dia. Dia bercakap tentang Sungai Bakap, kita hendak jadikan isu sebagai konfiden kepada Perdana Menteri. Sebenarnya kalau saya tengok kenyataan yang dibuat dalam akhbar, dia yang hendak menjadikan isu ini, bukan kita. Bagi kita, mana pilihan raya kecil pun kita hadapilah. Kalaulah pilihan raya kecil itu menyebabkan wakil rakyat kita terlibat, kita lawanlah, itu biasalah. Jadi, isu-isu ini biasa. Dahulu pun saya ingat dalam pilihan raya umum, Yang Berhormat dari Tanjong gunakan isu dia, dia kata, 'kalau kalah, saya berhenti' - tidak berhenti juga, tetapi kita tidak jadikan benda itu isu. Jadi, janganlah bila waktu benda ini, dia hendak jadikan itu sebagai isu. Dalam pertandingan pilihan raya, macam-macam boleh berlaku, kita tidak boleh tahan orang hendak cakap apa. Jadi, saya faham, saya harap supaya cepat matanglah pembangkang ini. Jangan sudah bertahun duduk dalam Parlimen pun macam itu lagi perangai, tidak baguslah macam itu, Yang Berhormat. Sebenarnya saya tengok tidak ada apa-apa hujah Yang Berhormat dari Tanjong ini. Saya hendak jawab itu sahajalah.

Yang Berhormat dari Pokok Sena ada bangkitkan berkenaan dengan *Hansard* dan semua orang bercakap tentang *Hansard*. Jabatan Perkhidmatan Awam telah bersetuju sebenarnya untuk memberi kelonggaran syarat kederasan trengkas untuk pencatat *Hansard* ini dari 100 perkataan seminit

di dalam skim perkhidmatan berkenaan kepada 80 perkataan seminit. Parlimen Malaysia telah membuat urusan pengambilan dan urusan temu duga diadakan pada 6 November 1997, namun demikian, tiada seorang pun hadir untuk temu duga ini. Itulah keadaan sebenarnya.

Yang Berhormat dari Pokok Sena juga.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan pengeluaran *Hansard* yang dikatakan tadi, maknanya mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak ada penyelesaian jugalah kerana walaupun JPA beri post, dibuka untuk temu duga, tetapi tidak ada orang datang. Maknanya, kesudahannya masalah ini tidak juga kita selesaikan. Kita semua sedar bahawa perjalanan urusan Dewan ini dan juga Dewan Negara begitu tergendala dengan kesuntukan dari segi bekalan perkhidmatan yang ada, yang timbul daripada kesuntukan kakitangan.

Untuk mengatasi masalah ini dan banyak masalah lain dalam urusan Parlimen ini, bolehkah kita pertimbangkan supaya kita kembali balik perkhidmatan Parlimen ini di bawah Parlimen. Sekarang ini urusan pentadbiran Parlimen dari segi kakitangan, kewangan dan sebagainya adalah diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi, mungkin satu penyelesaian yang boleh dipertimbangkan ialah kita kembali kepada sistem yang terdahulu daripada ini dan mungkin mengemukakan skim-skim perkhidmatan yang tersendiri dan menjamin bahawa urusan perundangan dalam Dewan ini dan juga dalam Parlimen ini tidak lagi tergendala seperti yang ada sekarang, kerana kalau kita kata kita ada post, kita iklankan, tetapi tidak ada orang datang, dia tidak habis cerita juga. Maknanya, tidak selesai juga masalah kita. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, yang pentingnya siapa bayar gaji ini. Kalau atas Parlimen pun dia dapat peruntukan daripada JPA juga. Masalah sekarang ini ialah orang tidak berminat untuk bekerja sebagai pencatat. Jadi, kalau letak di bawah mana sekalipun, kalau orang tidak minat hendak bekerja, dia tidak minat juga, masalahnya sama. Cuma saya ingat saya jawab pada hari itu, hari Khamis, Yang Berhormat tidak ada di sini agaknya. Kita sudah tulis kepada JPA supaya elaun dan gajinya kita beri naik, mungkinlah dengan kenaikan gaji dan elaun ini akan menarik orang untuk bekerja sebagai pencatat *Hansard* ini. Jadi, kita ikhtiar macam-macam sebenarnya, Yang Berhormat. Saya tidak fikir bahawa kalau kita kembali kepada asal dahulu, ini akan menyelesaikan masalah. Ia tidak akan menyelesaikan masalah juga.

Yang Berhormat dari Pokok Sena juga ada berkata bahawa mengapa waktu kita ada bersidang, kita pinjam daripada jabatan-jabatan lain, daripada poolkah. Jadi, Jabatan Parlimen telah

berusaha sebenarnya dengan memohon bantuan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan kementerian-kementerian lain supaya meminjamkan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) untuk menjalankan tugas Pelapor Perbahasan tetapi masih sukar memperolehi kakitangan yang dimaksudkan itu. Juga kita tidak dapat bantuan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Yang Berhormat dari Pokok Sena juga membangkitkan berkenaan dengan peralatan dalam Dewan Rakyat yang tidak berfungsi. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa pemasangan peralatan bagi sistem konferens - yang inilah [*sambil menunjuk kepada alat itu*] yang kata 'delegate still waiting', ini semua, bagi Dewan Rakyat belum lagi siap dan dijangka dapat disiapkan tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan panel yang di atas tempat duduk Yang di-Pertua - oh, yang itu [*sambil menunjuk ke arah tempat itu*]. Untuk makluman Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pokok Sena ada bangkitkan pasal tajam sangat benda itu, sudah 30 tahun takut benda itu jatuh. Jadi dia sayang kepada Tuan Pengerusi, dia minta check baliklah. [*Ketawa*] Jadi, Jabatan Parlimen sedang membuat semakan keseluruhan bangunan untuk mengenal pasti kerosakan dan cadangan-cadangan untuk membaiki dan menaikkan taraf. Perkara panel di atas meja Tuan Pengerusi, akan diberikan perhatian yang sewajarnya dalam pemeriksaan ini. Ini komitmen daripada Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat dari Pokok Sena kerana prihatin terhadap Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan alat-alat Parlimen ialah jabatan akan sentiasa menyemak dan menyelenggarakan alat-alatnya, di mana yang rosak kita akan ganti. Kita mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa peka kepada peralatan-peralatan di sini supaya sentiasa membangkitkan perkara ini dan boleh kita perbaiki. Dalam Parlimen kita tidak ada kecil hati, tidak ada hendak rasa jauh hati, beritahu sahaja, insya-Allah, kita akan perbaiki.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tumpat bertanya mengapa Penggubal Undang-undang ditempatkan di Jabatan Peguam Negara dan tidak di Parlimen. Penggubal Undang-undang Parlimen ialah nama yang diberikan kepada Ketua Bahagian Penggubalan yang ditempatkan di Jabatan Peguam Negara bagi maksud menggubal undang-undang untuk kerajaan, jadi tidak adalah maknanya lebih daripada itu, jadi tidak usah bimbanglah.

Yang Berhormat dari Tumpat juga membangkitkan berkenaan dengan kes Batu Putih. Kes Batu Putih ini sebenarnya - masalahnya Yang Berhormat dari Tumpat tidak ada, saya ingat kalau kita tanya kepada budak-budak Darjah Enam pun dia tahu. Kalau masalah antarabangsa, dua negeri

terlibat, kedua-dua negeri tidak bersetuju, jadi kita kena hantarlah kepada Mahkamah Antarabangsa. Ini budak Darjah Enam pun tahu. Tidak payah hendak kata Peguam Negara silap nasihatkah. Singapura tidak bersetuju dengan hujah kita, kita pun tidak setuju dengan hujah Singapura, selepas itu hendak buat apa? Kalau tanya kepada budak Darjah Enam, dia kata, dia akan nasihat yang sama, hantarlah kepada Mahkamah Antarabangsa, semua orang tahu. Ini biasalah. Jadi, saya tidak faham apa benda yang dipertikaikan oleh beliau, dia kata salah nasihatlah dan macam-macam lagi. Ini soal hujah. Yang hendak ambil keputusan kepada kedua-dua hujah ialah Mahkamah Antarabangsa. Saya kata, itulah cara yang terbaik sekali, kita serah kepada Mahkamah Antarabangsa untuk menentukan siapa yang berhak ke atas Pulau Batu Putih yang menjadi pertikaian di antara kedua-dua buah negara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tumpat juga membangkitkan berkenaan dengan perjanjian penjenayah antara Malaysia dan Amerika. Banyak kes yang dibawa oleh Jabatan Peguam Negara sangat meragukan kerana lebih memberikan keselesaan kepada Perdana Menteri dan bukan kepada rakyat. Mana dia baca ini? Dia tidak ada di sini. Saya pun tidak tahu apa benda yang dia cakap ini - *Harakah* agaknya. Jadi, tidak jelas apa perjanjian yang dimaksudkan ini? Cakap merapu. [Ketawa] Dia pun tidak tahu apa. Saya ingat ucapannya pun orang beri kepada dia, 10 minit sebelum dia berucap, apa yang orang beri, dia baca, dia sendiri pun tidak tahu apa yang dia cakap.

Jadi, saya hendak jawab juga sebab saya hendak tengok standard hujah dia cukup rendah sangat. Sebab itu, kalau saya tidak jawab di sini kita tidak akan tahu bahawa standard dia rendah. Jadi, sebab itu saya hendak beritahu di sini bahawa Jabatan Peguam Negara tidak mendakwa berdasarkan tohmahan semata-mata. Setiap pertuduhan mestilah berdasarkan bukti dan keterangan yang mencukupi. Jadi, kalau Yang Berhormat dari Tumpat rasa ada apa-apa benda yang dia hendak bangkitkan, biar ada bukti. Jangan dalam Parlimen, rakyat pilih seorang wakil rakyat yang tidak tahu apa benda yang dia cakap, jadi macam burung kakak tua, orang beri ucapan, dia berucap. Kalau begitu, baiklah orang yang beri ucapan jadi wakil rakyat, senang. Ini saya ingat standardnya rendah sangat dan dia pun tidak ada di sini pada hari ini, saya dukacitalah, sepatutnya dia boleh memberi penjelasan lagi supaya kita boleh memberi jawapan yang baik terhadap hujah-hujah yang baik, bukan hujah-hujah macam yang diberikan oleh beliau itu.

Yang Berhormat dari Bintulu membangkitkan mengenai masalah kerosakan rumah-rumah pegawai kerajaan di Bintulu, Sarawak. Pembaikan dan pendawaian rumah-rumah pegawai kerajaan di Sarawak diletak di bawah Pejabat Kewangan Persekutuan, Sarawak dan bukan di bawah Bahagian

Pengurusan Hartanah, JPM ataupun Yang Berhormat ada bangkitkan dalam itu ada Sarawak punya, bukan di bawah kita, Yang Berhormat, dia di bawah Pejabat Kewangan Persekutuan, Sarawak, jadi tanya kepada merekalah. Soalan itu okay, bagus, tidak apa, cuma saluran itu hantar ke sana.

Yang Berhormat dari Kota Melaka - dia ada pada hari ini, Tuan Pengerusi - dia bertanya berkenaan dengan pelekat kereta 'Kami Sokong Dr. Mahathir' diedarkan di dalam Dewan ini. Mengikut Peraturan Mesyuarat 9(6), Setiausaha bertanggungjawab untuk membentangkan apa-apa surat yang telah dibentangkan di dalam Dewan. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Speaker pada hari yang berkaitan, Setiausaha Dewan Rakyat tidak menyedari siapakah yang telah mengedarkan pelekat ini di dalam Dewan. Oleh itu, pentadbiran Parlimen akan memastikan perkara yang serupa tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Ini di luar daripada.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, kalau kita lihat Peraturan Mesyuarat 9(6) adalah berbunyi, *'Setiausaha bertanggungjawab ke atasnya menyimpan buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, rekod-rekod, Rang Undang-undang dan lain-lain surat yang telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat dan ini hendaklah terbuka boleh ditengok oleh ahli-ahli mesyuarat dan orang-orang lain mengikut apa-apa aturan yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua'*.

Di sini saya rasa kalau kita hendak mempertikaikan adalah secara tidak langsung, mungkin secara langsung bahawa sekurang-kurangnya Tuan Pengerusi atau Tuan Yang di-Pertua mesti tahu tentang perkara ini. Bolehkah Setiausaha tanpa mendapat kebenaran daripada atas membuat keputusan dengan sendirinya, lebih-lebih lagi apabila sekarang saya masih belum dapat maklumat siapa yang bertanggungjawab mengeluarkan pelekat ini? Siapa yang mengedarkannya dan daripada pihak mana dan juga kerana ia tidak mengikut lunas undang-undang bahawa penerbit dan pencetak mestilah dicetak, bukankah ini melanggar undang-undang? Mengapakah pihak kerajaan mengamalkan double standard, tidak ambil undang-undang ke atas pelekat ini? Adakah kerana dia cakap 'We Support Dr. Mahathir'? Tetapi kalau kita hentam tentang rasuah, sungguhpun semua ikut lunas undang-undang, akan diambil tindakan ke mahkamah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat ini tidak faham bahasa Melayu ataupun pekak, sebab saya sudah kata Setiausaha Dewan Rakyat tidak menyedari siapakah yang telah mengedarkan perkara ini? Jadi, kalau dia memberi kebenaran, betul Yang Berhormat sebut Peraturan Mesyuarat 9(6) itu. Tetapi kalau kita sendiri tidak

tahu siapa yang letak, Yang Berhormat bukannya tidak tahu dalam Dewan ini pukul 2.00 petang sudah dibuka, orang datang dan boleh letak sahaja. Bagi orang yang tahu, yang hendak mengedar, dia berjumpa katalah dengan Tuan Pengerusi ataupun Setiausaha Dewan dan kalau dapat kebenaran, sepatutnya kepada benda yang tidak patut diedar, okay, tidak mengapa, yang ini tidak siapa tahu. Orang masuk dalam Parlimen, dia letak, kita tidak tahu, sampai sekarang pun kita tidak tahu.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya amat terkejut kalau inilah kawalan keselamatan dalam Parlimen, siapa-siapa boleh masuk, boleh edarkan apa-apa barang, lain kali kita mungkin dapat bom! Kalau ini adalah satu pengakuan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa ada dua kemungkinan. Satu, dia cuba lari daripada hakikat dengan mengeluarkan sebab-sebab yang amat ridiculous sekali. Kedua, ini merupakan satu pengakuan bahawa tidak ada sistem sekuriti dan keselamatan langsung dalam Parlimen di mana siapa-siapa boleh masuk mengedarkan tanpa pengetahuan Setiausaha. Saya amat terkejut kalau inilah keadaan, kita takut tentang keselamatan pemimpin tertinggi negara kita. Saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh ambil berat tentang pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya rasa itu tidak boleh diterima oleh semua Ahli Parlimen. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun. Nanti sekejap, ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sambung sedikit. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan kita patut siasat. Benda ini bukan benda tidak elok, benda elok, dia suruh sokong Perdana Menteri. Semua yang ada di sini sokong Perdana Menteri, cuma dekat situ sikit sahaja. Misalnya, kalau orang bawa masuk kuih, benda yang sedap, kita makanlah, takkan kita hendak siasat siapa yang bawa masuk kuih ini? *[Ketawa]* Kalau benda itu tak elok, dia bawa masuk racun, baru kita siasat. Kalau dia bawa masuk benda makanan, kita makanlah. Dia bawa masuk benda ini menyokong Perdana Menteri, memang kita sokong.

**Tuan Lim Guan Eng:** Hari ini kuih, lain kali mungkin bom!

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bom - kita siasatlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah lewat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bom kalau dia bubuh di situ, kita tak siasat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, cukup.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bom pun kalau dia bubuh dekat situ, kita tak siasat. *[Ketawa]* Bubuh di sini, kita siasat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa ini, ini macamkah? Ini tak ada standardlah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kalau kira hendak ikut bahaya, kita takut orang masuk, pembangkang pun kita tidak percaya suruh dia masuk dalam Dewan ini. Tetapi Dewan itu, maknanya apabila dia buka sebelum pukul 2.30 petang, memang begitu. Bukan kita takut apa-apa dalam negara ini. Sebenarnya kalau kita tengok Perdana Menteri kita pun dia berjalan berjumpa dengan rakyat, tak ada takut hendak kena tembakkah atau apa, begitulah dalam negara Malaysia kita. Yang dia hysterical sangat ini kata takut letak bom, takut dia hendak letak bom agaknya, sebab dia fikir macam itu. Jadi, kita mengatakan di sini bahawa.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa macam ini sudah lebih. *[Ketawa]* Macam ini sudah lebih.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana boleh cakap saya nak letak bom?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, saya.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sangkaan jahat, ini kena tarik balik. Ini kena tarik balik, Tuan Pengerusi. Macam mana boleh jatuh standard? Kalau hendak hentam, hentamlah dengan benar. Takkanlah sampai standard ini lebih teruk daripada budak sekolah? Tak boleh macam ini, Tuan Pengerusi. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat fahamkah peraturan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan cakap macam ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya berdiri ini tak beri jalan kepada dia.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jangan kata dia letak bomlah. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini mens rea yang sangat teruk, minta tarik balik, gentleman - tarik balik. Mana saya ada bertujuan letak bom, ini gila betul. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Dia kata sahaja.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, dia kata sahaja, saya pun kata sahaja. *[Ketawa]* Itu andaian. Saya kata bahawa melainkan kalau difikir sebelah sana hendak letak bomkah

atau apa, itu lainlah, tetapi janganlah hendak menuduh benda yang tidak betul. Dia mengata kita boleh, kita mengata dia mata dia sudah merah padam, ini apa benda?

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak jawab lagi panjang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak pernah menuduh siapa-siapa letak bom.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya cakap andaian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi saya cakap, kalau hari ini kita boleh edarkan pelekat tanpa mengetahui siapa orang itu, lain kali kita mungkin tidak bernasib baik, lain kali itu mungkin bom. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan lari daripada masalah ini iaitu.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya hendak beri faham kepada dia, saya tidak beri jalan kepada dia.....

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**.....dia belajar peraturan apa ini? Cukuplah, saya tak beri jalan kepada dia.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang dia sudah takutlah. Dia tak mahu jawab, dia sudah takut.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak ada takut punya!

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta jalan tentang masalah ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia tak faham bahasa Melayu, dia tak tahu apa makna 'andaian', dia tak tahu. Andaian itu bukan tuduhan. Saya beri andaian. Yang Berhormat boleh duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi tak cakap 'andaian', sekarang baru cakap 'andaian'.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tadi saya jawab cakap 'andaian'.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ha, sekarang baru cakap 'andaian'.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**.....saya cakap, melainkan kalau Yang Berhormat hendak letak bom - itu andaian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah standard, jatuh standardlah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat lebih baik duduk, saya tidak beri jalan kepada dia. Dia tidak fahamkah? Jangan jadi macam unta di Mekah. Unta di Mekah tidak tahu apa, duduk.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Nanti dahulu. Hendak minta jalankah? Minta jalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dia beri jalan. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Okay.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jalan luar bandar, dia beri. Jalan dalam bandar, dia tak berilah.

Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, takkan yang ini bom *[sambil memegang sticker]*, takkan salah bawa keluar ini, takkan kita hendak habiskan masa kita hendak siasat orang beri benda ini.....

**Tuan Pengerusi:** Tak apalah, cukuplah.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kalau dia tulis, 'We Don't Support', we know, kita siasat. Ini 'We Support Dr. Mahathir'.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ketua Pembangkang pun support, anak dia seorang sahaja tak support. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab. Cukuplah perkara itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kota Melaka, nantilah dahulu, saya hendak jawab yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, sila teruskan jawapan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak ada masalah. Saya ada banyak lagi perkara yang Kota Melaka bangkitkan saya hendak jawab. Jadi, yang mana-mana lain saya boleh beri ruang, tidak ada masalah.

Yang Berhormat dari Kota Melaka ada bangkitkan berkenaan dengan soal seorang rakyat Malaysia bumiputera Iban di Sarawak. Apakah Iban di Sarawak ini adalah bumiputera ataupun tidak.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, ini saya rasa satu perkara yang penting. Bolehkah saya dapat panduan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat memberikan panduan mengikut Standing Order, iaitu saya hendak dapat nasihat daripada Tuan Pengerusi tentang keselamatan.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Standing order?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, Standing Order, kerana you tak gunalah, tak boleh jawab, ialah tentang keselamatan kerana saya amat terkejut tadi tentang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa siapa-siapa boleh masuk tanpa sebarang kawalan pun. Saya rasa ini adalah satu keadaan yang tidak boleh diterima, baik di Malaysia mahupun di semua Parlimen dalam dunia ini. Kalau perkara seperti ini, hari ini mungkin pelekat sahaja, tetapi boleh diedarkan tanpa pengetahuan Setiausaha ataupun Tuan Yang di-Pertua dan perkara ini dianggap ringan. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua mengambil langkah-langkah untuk menjamin keselamatan negara kita, bukan sahaja untuk Ahli-ahli Parlimen tetapi pemimpin-pemimpin negara. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak peduli, tidak ambil berat tentang perkara ini, tetapi saya rasa rakyat ambil berat tentang perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Okaylah. Yang Berhormat, biarlah saya jawab perkara ini. Yang sebenarnya hendak masuk ke sini sebelum jam 2.30 petang, hanya Ahli-ahli Parlimen sahaja boleh masuk dengan ahli-ahli usher sahaja. Yang lain-lain, yang jadi pemerhati ataupun pegawai-pegawai adalah dengan kebenaran daripada Parlimen ataupun mempunyai surat-surat daripada pejabat mereka itu. Orang-orang luar yang tidak ada kebenaran tidak boleh masuk ke sini. Kejadian yang lepas ini barangkali kita tidak tahu siapa yang letak itu, dengan kerana benda itu kertas itu kecil sahaja. Dia boleh bawa, kita tidak nampak dia bawa, siapa bawa saya tidak tahulah. Ini soal yang sungguh mendukacitakan kami sekalian di sini. *[Tepuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Jawab macam inilah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya sudah cakap tadi sama ada dia tak faham bahasa Melayu ataupun dia pekak, sebab dalam jawapan saya, saya kata, 'Oleh itu, pentadbiran Parlimen akan memastikan perkara yang serupa tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang'. Dia pekaklah itu, saya sudah jawab.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, sebab orang pekak, kita kena sebut.....

**Tuan Pengerusi:** Minta ucap benda yang lain, perkara itu sudah habis, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, sebab dia tak faham bahasa Melayu, Tuan Pengerusi. Saya harap dia baca *Hansard*, kalau dia boleh membacalah. *Hansard* keluar nanti, dia baca bahawa dalam soalan pertama lagi saya sudah jawab.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan jawapan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita hendak tolong orang pekak ini yang tak faham bahasa Melayu dan pekak.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Baik, sila teruskan jawapan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya harap check telinga sedikitlah masa akan datang ya. *[Ketawa]*

[Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah kalah, kalahlah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mana kalah, awak kalah, dalam pilihan raya kecil kalah 1-0, bungkuslah DAP lebih baik.

Tuan Pengerusi, Iban di Sarawak memanglah bumiputera, oleh kerana itu saya ingat mungkin daripada segi dasarnya itu memang tidak boleh dinafikan bahawa Iban dan mereka daripada Sarawak yang ditermakan sebagai bumiputera adalah bumiputera. Mungkin ada kesilapan daripada keghairahan pegawai-pegawai yang mungkin tidak memahami ataupun kadangkala kita tahu walaupun mereka bumiputera, tetapi kadang-kadang sesebuah negeri itu tidak semestinya semua bumiputera itu boleh memiliki tanah seperti di negeri Kelantan. Walaupun saya seorang Melayu bumiputera, tetapi saya tidak boleh beli tanah di Kelantan sebab dia kena jual kepada Malay reserve, ialah Melayu yang asal

dari Kelantan sahaja. Jadi, yang ini kita kena tengok jugalah. Ini bukan bermakna bahawa mereka tidak bumiputera, tetapi kita terpaksa lihat kepada undang-undang yang ada di dalam Undang-undang Tanah negeri itu. Di Kelantan, saya pun tidak boleh beli tanah.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana pokoknya bukan tanah, ini rumah kedai di mana saya rasa ada berlainan dengan tanah, bukan tanah rizab Melayu, ini rumah kedai. Di sini kalau rumah kedai, saya rasa ia diletakkan dalam kategori yang berlainan, yang berasingan. Mengapa bumiputera daripada negeri-negeri lain di Semenanjung berhak membeli rumah kedai di Melaka, tetapi daripada Malaysia Timur iaitu Sarawak dan Sabah mereka tidak dibenarkan kerana mereka dianggap bukan bumiputera. Ini bukan tanah, Tuan Pengerusi, tetapi ini rumah kedai. Macam Tuan Pengerusi kalau pergi ke Melaka tidak boleh beli rumah kedai, di bawah peruntukan bumiputera, kerana dianggap bukan bumiputera. Kalau begitu saya rasa ini sudah jadi songsang dan songsong. *[Ketawa]* Saya rasa keadaan itu tidak boleh diterima langsung.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak tahulah, Tuan Pengerusi. Rumah kedai ini kalau tidak buat di atas tanah, buat di atas anginkah, atas sungaikah atau atas laut? Kalau buat rumah kedai ini mesti di atas tanah dan kita kena tengok geran tanah itu. Sebagai contoh, kalau rumah kedai dibina atas tanah Malay reserve Kelantan, saya pun tidak boleh beli. Sebab itu, kita kena tengok tanah itu tanah apa, MCLkah atau apakah, janganlah emosi sangat. Sebab itu kita kena beri ruang.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, ini penjelasan. Ini bukan rizab Melayu, ini lease land di mana 30% untuk bumiputera, 60% atau 70% bukan bumiputera di mana yang mereka beli hanya peruntukan 30% sahaja. Ini bukan tanah rizab Melayu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kita beli rumah kedai, kita beli tanah. Jadi, kita hendak tahu asal tanah itu tanah apa. Kalau tanah itu macam kata MCL, jadi mungkin untuk orang Melaka sahaja. Saya tidak kata Iban bukan bumiputera, tetapi Iban ini bumiputera, cuma kita hendak kena tengok. Saya sendiri pun harap supaya dapat dikaji mengapa perkara ini berlaku. Sebab itu kita hendak siasat, tengok, mengapa dia tidak boleh beli. Dan kita hendak tengok daripada segi geran tanah itu, adakah mungkin geran tanah itu tidak membenarkan

seperti Malay reserve di Kelantan. Jadi, yang itu, Yang Berhormat, saya akan kajikan supaya perkara ini tidak berlaku, tetapi tidak membangkit soal Iban bukan bumiputera. Iban itu adalah bumiputera. Yang Berhormat pun bumiputera juga, jadi jangan izinkan dia untuk memecahbelahkan kita. Dia sebut tadi, Yang Berhormat tidak boleh beli.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat tidak habis-habis lagi membangkitkan soal menteri itu tidak hadir, menteri ini tidak hadir, macam-macam. Saya sudah sebut, saya ingat, pada tahun lepas bahawa yang hanya ada peraturan Ahli Parlimen tidak boleh buat ialah untuk mengosongkan kerusi dalam Dewan ini selama enam bulan. Itu sahaja peraturan. Jadi, selain daripada itu, kalau dia tidak hadir, bukan dia 'tuang', dia pergi buat kerja yang lain. Kita sebagai menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen dalam Barisan Nasional, kita ada kerja-kerja lain yang kita kena buat juga. Saya tahulah macam Yang Berhormat, dia hendak tunggu musim Parlimen sahaja untuk mendapat elaun [*Ketawa*] dan macam-macam lagi, dia tidak ada kerja lain. Jadi, sebab itu jangan marah.

Soal kalau rakyat tidak puas hati dengan dia, itu serahlah kepada pilihan raya umum. Saya tengok dalam pilihan raya umum, tiap-tiap kali kita bertanding pilihan raya, kita menang juga.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang bangkitkan ini dia sahaja, bukan orang lain, rakyat tidak kisah. Rakyat tahu bahawa dia buat kerja, itu yang penting, sebab itu pilihan raya umum kita menang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak memetik ucapan Yang Berhormat dari Peringat, Dato' Haji Annuar Musa, sungguhpun dia cakup dalam pilihan raya umum ataupun sesuatu pilihan raya kecil Barisan Nasional kalah, tetapi dia cakup, itu satu kemenangan dalam kekalahan - menang dalam kalah. Ini dimulakan oleh Yang Berhormat dari Peringat. Kalau Yang Berhormat dari Peringat boleh cakup menang dalam kalah di mana majoriti nyata telah kurang, macam di Sungai Bakap kurang sebanyak 4,000 undi, daripada 5,300 kurang 1,400, saya rasa itu amatlah jelas siapa menang dan siapa kalah.

Tetapi yang penting sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sebagai institusi Parlimen, bukankah ia merupakan salah satu daripada tanggungjawab penting seseorang menteri menghadiri Parlimen. Mengapakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sungguhpun beliau memegang banyak jawatan, sungguhpun beliau seorang Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, beliau boleh mempunyai rekod kehadiran yang lebih tinggi iaitu sebanyak 30%, lima kali ganda lebih tinggi daripada Yang Berhormat dari Beruas ataupun Yang Berhormat dari Labis. Adakah ini bermakna bahawa Yang Berhormat dari Labis, Presiden MCA dan Presiden Gerakan lebih sibuk atau mempunyai tanggungjawab yang lebih berat daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapannya bukan simplistik macam itu. Saya sudah kata, kalau ia tidak menjadi peraturan dalam Dewan ini iaitu bahawa mesti hadir sekurang-kurangnya 50% dalam satu tahun. Kalau tidak ada peraturan, maknanya kita boleh buat. Soalnya, bukan soal kalau dia tidak hadir maka dia lebih sibuk daripada Perdana Menteri, dia ada komitmen yang dia pilih sendiri. Kita tidak boleh tiap-tiap kali hendak ambil, katalah macam saya tidak datang, saya hendak check adakah schedule PM, schedule TPM ini lebih sibuk daripada sayakah, saya tidak boleh lebih sibuk daripada mereka, soal ini tidak berbangkit. Soal ini dia sendiri sahaja bangkitkan. Saya sudah kata bahawa hanya ada dua sahaja, iaitu dalam masa enam bulan tidak boleh kosongkan kerusi, kalau kosong, dia jatuh jadi vacant, yang itu tidak boleh buat. Yang kedua, kalau soal apa yang dia buat itu merupakan satu perkara yang tidak baik, tidak disukai, itu terserahlah kepada rakyat lima tahun sekali untuk menyatakan sama ada mereka puas hati atau tidak puas hati dengan wakil rakyat dia, janganlah dok sibuk, awak jaga kerusi awak sendiri sudahlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya ingat tidak payahlah. Dia pusing, pusing, benda yang sama, dia tidak ada asas.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu lagi sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu lagi sahaja, bolehkah?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, iaitu mengenai perkara ini. Saya rasa, saya sendiri tidak kisah kalau untuk sesuatu waktu, macam Yang Berhormat dari Nibong Tebal sudah dua minggu kita tidak jumpa dia kerana dia sibuk berkempen di pilihan raya kecil Sungai Bakap. Tetapi itu untuk tempoh masa itu di mana dia boleh 'tuangkan' tanggungjawab dia. Tetapi apabila seseorang Timbalan Perdana Menteri boleh hadir, apakah prinsipnya seorang Timbalan Perdana Menteri boleh datang 30%, tetapi seorang menteri biasa tidak boleh? Kalau ini dibenarkan, di mana letaknya sistem demokrasi berparlimen di mana akauntabiliti ada dalam Parlimen? Saya rasa itu yang amat penting, apakah makna demokrasi dalam Parlimen kalau menteri tidak payah datang ke Parlimen untuk memberikan akauntabiliti dan memberikan jawapan tentang kementeriannya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa pasal yang dia hysterical sangat ini? Sudah kalah, kalahlah dalam pilihan raya. Dia hysterical semacam pula hari ini. Sebenarnya saya sudah kata, kalau tidak ada prinsip, jangan diadakan. Tidak ada prinsip sebenarnya. Sebagai contoh, walaupun Menteri Pengangkutan - dia menteri, Timbalan Perdana Menteri - dia timbalan menteri, jadi sepatutnya jangan lebih sibuk daripada timbalan menteri. Tetapi kita kena ingat, Menteri Pengangkutan adalah Pengerusi sebuah parti, Timbalan Perdana Menteri cuma Timbalan Presiden sahaja, kawan ini Presiden sebuah parti, sibuk, program parti pun ada juga. Jadi, kalau kita hendak banding, tidak boleh banding begitu, boleh lihat daripada segi parti. Dia Presiden MCA, jemputan di tempat-tempat dia jauh lebih ramai lagi. Kerana UMNO ini panggil Presiden kita, Dr. Mahathir, dia Presiden. Jadi, banyaklah jawatan yang dia pegang dan kita tidak boleh banding begitu sahaja, kita kena tengok lagi apa jawatan dia sebagai Presiden parti.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun pula.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, okay.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Pengerusi, sedikit penjelasan tentang kehadiran ahli-ahli Kabinet, wakil-wakil rakyat dalam Dewan ini. Adakah Kota Melaka ini menggunakan alasan isu kehadiran ini kerana tidak dapat menerima kekalahan baru-baru ini? Dia punya geram kepada Gerakan, MCA itu menggunakan isu kehadiran, tidak ada isu lain, sebab isu yang sebenar dia kalah, kononnya dia boleh menggunakan suasana ekonomi, pasaran saham jatuh, mata wang jatuh, kononnya boleh meraih, dapat keyakinan rakyat supaya dia boleh melancarkan lagi Tanjong IV atau Tanjong V kononnya. Sentimen kononnya rakyat ini marah kepada kerajaan tetapi

tidak berjaya. Mungkin kalau dapat dia menang, ini boleh diambil alih daripada Ketua Pembangkang, Kota Melaka lancarkan kempen untuk menawan Pulau Pinang kononnya, tetapi tidak berjaya. Ini yang marah benar. Saya minta penjelasan adakah isu ini tidak relevan, saya rasalah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat ini, sebab saya tengok dia pun hysterical sebab pilihan raya dahulu ada Tanjong I, Tanjong II, jangan sampai Tanjong Rambutan sudah. *[Ketawa]* Itu kita bimbang. Jadi, sebab itu saya ingat dia dok bangkitkan masalah ini - majoriti. Hendak ambil kira apa sekarang majoriti? Yang tidak hadir mengundi 2,000 orang. 2,000 pengundi itu bukan bermakna tidak sokong kita, dia tidak hadir kerana dia tahu pilihan raya ini bukan hendak menubuhkan kerajaan, sebab dia tahulah Pulau Pinang adalah Kerajaan Barisan Nasional, jadi sebab itu ada sedikit sikap 'tidak apa' itu. Yang tidak hadir 2,000 pengundi, jadi sebab itu majoriti itu 1,000 orang lebih sahaja, yang tidak hadir 2,000 orang.

Yang Berhormat patut lebih rasa prihatin dan sensitif terhadap calon independent yang dapat 1,000 lebih undi. Mengapa dapat 1,000 lebih undi? Sebab main sentimen perkauman. Ini kita hendak kena jaga. Dia dapat 1,000 lebih undi bermakna calon ini pergi rata-rata, dia kata, kawasan ini majoriti Melayu 48%, jadi mesti mahu wakil rakyat Melayu. Yang ini kita hendak kena jaga, yang boleh lari 1,000 lebih undi politik perkauman. Janganlah dok sibuk Barisan Nasional kita. Kita satu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak beritahu dia, jangan dok sibuk ini. Dia kena jaga sentimen yang dimainkan oleh independent, calon bebas yang main isu, ini kawasan Melayu, hendak wakil rakyat Melayu. Ini kita hendak kena jaga sebab kalau kita tidak jaga ini, kita balik kepada tahun 1969 dahulu. Yang ini kena jaga. Barisan Nasional letak calon daripada 48% Melayu, tetapi kita letak calon orang Cina, sebab kita multiracial dan kita sokong bermati-matian. Yang ini patut Yang Berhormat kena ucap tahniah kepada kami, kita tidak kira bangsa, tidak kira agama, lawan habis-habisan, perang habis-habisan. Bertumbuk - saya boleh tahu di Sungai Bakap. Yang Berhormat patut hormat kita, ini tidak.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya teringat cara Yang Berhormat bercakap, macam Ketua Pemuda dahulu. *[Sorak]* Ini Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid Hamidi kena awasi ini, kalau bertanding Ketua Pemuda, susah kita ini, kedua-dua tokoh kita belaka. Ini

sentimen perkauman. Saya bersetuju ini usaha yang baik dari Barisan Nasional, tidak mahu dibangkitkan sentimen perkauman. Kalau tidak, kita akan jadi kepada suasana Yang Berhormat cuba gambarkan tadi. Tetapi yang membangkitkan sentimen perkauman - ha, ada wakilnya di sini, kawan baik Kota Melaka dahulu, kononnya tidak bersetuju dengan assabiyah, apa lagilah, tetapi yang sebenarnya parti apa yang wakil Marang ada ini? Saya minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Chenderoh, bagaimana Kota Melaka dengan PAS ini? Mungkin dia senyap-senyap ada kongkalikung kerjasama ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak sebut, Yang Berhormat berhati-hati sedikit, kena sokong kawan-kawan daripada PAS, sebab kami dalam Barisan Nasional ada kawasan yang kami letak orang bukan Islam bertanding dengan PAS, kita lawan berhabis-habisan, bukan main-main. Macam kawasan saya, saya bertanding dengan PAS, lawan dia habis-habisan. Bukan kata lawan kita sama-sama Melayu - tidak ada berbangkit soal ini. Soalnya, kita komited kepada Barisan Nasional iaitu masyarakat majmuk, rakyat Malaysia bersatu padu tidak kira agama, bangsa dan tanah air. Kita lawan dalam pilihan raya, kita lawan betul-betul. Kalau Yang Berhormat tengoklah dalam pilihan raya di Changkat Jering baru-baru ini macam mana penyokong PAS buat kepada penyokong Barisan Nasional, macam mana dia maki kita. Ini bukan main-main, ini serius, tetapi kita tetap.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**.....kita tetap dengan rakan-rakan kita daripada bangsa yang lain, yang mahu bekerjasama dengan kita, yang ini kita hendak kena jaga perkaumannya tebal, yang mungkin ada lagi di setengah kalangan rakyat Malaysia dalam negara kita pada hari ini. Yang Berhormat respectlah sedikit, macam mana kita pukul, tidak peduli. Calon PAS itu - Idris itu namanya macam nama saya, nama Melayu juga. Ini rakan saya Idris di sini *[sambil menunjuk kepada Y.B. Tuan Idris bin Jusoh]* nama sama, satu bangsa, satu agama, tetapi lawan, lawan habis. Tidak ada kata kita sama Melayu, sama Islam, kita lawan friendly fight - tak ada, sebab apa yang dia hendak bawa itu adalah tidak betul dan kita tidak yakin ianya akan mendatangkan manfaat yang lebih kepada masyarakat Malaysia dalam negara kita pada hari ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi. Sebenarnya PAS ini parti kurang ajar. Dalam pilihan raya ini kerana Yang

Berhormat Timbalan Presiden PAS ada dalam Dewan yang mulia ini, termasuk Tumpat - saya pun sudah tak kenal, saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat, tadi saya baca surat khabar, Menteri Besar Kelantan mengatakan bahawa siapa yang mengata kepada parti PAS adalah berdosa. Tidak ada ayat dalam al-Quran mengatakan bahawa mengata parti PAS berdosa. Yang kata kalau kita mengumpat dan mengata itu berdosa.

Kelmarin puak PAS yang kurang sopan, biadap, kurang ajar, kepong dua bas pemerhati pilihan raya daripada kawasan saya, termasuk saya sekali, cukup sungguh kurang ajar. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat sebagai Timbalan Presiden PAS, saya nampak sebagai seorang pemimpin yang warak, sebagai pemimpin yang adab, tertib, ajar anak buah yang kurang ajar di bawah itu. Jangan kata lebih kurang, maki lebih kurang, saya dikepong, hendak dipukul. Apa ingat saya takutkah? Tetapi kerana orang yang menggubal dasar dalam Dewan Rakyat, kita menghormati undang-undang. Penyokong-penyokong PAS lebih daripada macam orang gila, perangai macam anjing. Saya cukup marah kerana malu, kepong saya di dalam lingkungan Balai Polis Simpang. Dua bas pemerhati pilihan raya yang saya bawa ditahan, dikepong dan calon PAS sendiri yang bertanding itu pergi tendang bas yang seratus peratus perempuan ada dalam bas. Mana telur dia pergi kacau orang perempuan?

**Seorang Ahli:** Dayus!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dayus sungguh. *[Tepuk]* Inikah demokrasi, Tuan Pengerusi? Saya hari ini hendak lepas geram kerana saya berasa cukup hangat hati. Lingkung saya, minta kad pengenalan saya. Jadi, sebagai pemimpin PAS, sebagai Timbalan Presiden PAS, sebagai orang kuat PAS yang melaung-laungkan pengajaran Islam dan melaung-laungkan keadaban sebagai seorang Islam, mana dia? Buktikan kalau pengikut-pengikut di bawah itu bersifat lebih daripada orang Islam, lebih jahat daripada binatang, adakah ini dikatakan pemimpin-pemimpin Islam? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sebagai seorang pemimpin PAS beri penjelasan.

Saya cukup banyak bersabar kerana kita tidak mahu tumpah darah kelmarin. Saya boleh buat, saya boleh suruh orang-orang saya menentang dan pergaduhan berlaku. Ini amat memalukan. Dunia luar akan memandang hina kepada demokrasi kita. Kami beralah. Saya harap Yang Berhormat sebagai pemimpin PAS yang ada dalam Dewan yang mulia ini, balik, ajar anak-anak buah Yang Berhormat supaya bersopan dalam pilihan raya, kalau tidak, kami akan mula ajar mereka ini, jangan main-main. Saya pun bukan keturunan baik-baik sangat, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Sungguh - jangan main-main. Keturunan Aceh ini dia naik angin, saya tak kira serban besar mana.

Ini saya hendak habaq, saya hendak luahkan perasaan saya hari ini dalam Dewan yang mulia ini kerana perangai mereka terlalu biadap, terlalu tidak bersopan, tidak menghormati. Saya bawa seorang tua, tok imam, depa boleh kata kepada tok imam ini, 'tua paras ni nak mampus, mai lagi'. Kemudian, menggunakan budak-budak ITM untuk kempen, bawa poster dalam pilihan raya. Adakah ini cara PAS berkempen. Jauh sekali dari cara Menteri Besar Kelantan mengatakan bahawa mengata kepada PAS berdosa. Biar saya tanggung dosa hari ini asalkan saya hendak membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Saya berharap dan berdo'a ke hadrat Allah subhanahu wata'ala semoga Tuhan akan buka hati perut pemimpin-pemimpin PAS untuk memper-betulkan perangai anak-anak buah yang cukup-cukup biadap, cukup-cukup kurang sopan, samalah saya tarafkan dengan binatang. Macam mana Yang Berhormat, bersetujukah? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak Yang Berhormat dari Kota Melaka dengar itu tadi, sebab bahaya dalam negara ini ialah perkauman, dengan izin, extremism religion. Ini kita hendak kena jaga. Sebab itu, Yang Berhormat, Barisan Nasional ini baik. Saya ingat, tidak usah pertikaikanlah majoriti berapakah. Yang penting, parti yang sederhana yang mementingkan kepada rakyat majoriti yang berbilang agama dan kaum - yang ini kita kena beri sokongan kepada mereka. Sebab itu, saya ingat, DAP kalah pun relalah kalah sebab inilah sahaja satu parti Barisan Nasional yang benar-benar memperjuangkan semua pihak dalam negara kita ini. *[Tepuk]* Saya ingat kita tidak perlu pergi lagilah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga bangkitkan berhubung dengan Pengarah Penilaian Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah iaitu kes penerimaan kereta Mercedes. Kes ini telah dibicarakan di mahkamah dan tertuduh telah dilepas dan dibebaskan.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan peratusan kes yang didakwa oleh Jabatan Peguam Negara setelah disyorkan oleh BPR. Setakat ini tidak ada jumlah peratusan kes yang dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara oleh BPR. Peratus sebenar tidak dapat disediakan dalam masa yang singkat ini. Walau bagaimanapun, kelulusan oleh Jabatan Peguam Negara bergantung kepada keterangan yang dikutip oleh BPR. Kes yang dirujuk bukan sahaja memerlukan kelulusan tetapi juga untuk tidak diambil apa-apa tindakan kerana kekurangan keterangan. Jadi, apabila kita bawa kes itu kepada Jabatan Peguam Negara, bukan sahaja kita hendak minta kelulusan sama ada kes hendak diteruskan juga, tetapi juga untuk kes tidak diteruskan kerana kekurangan keterangan yang didapati oleh kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan berkenaan dengan penswastaaan Keretapi Tanah Melayu Berhad. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan masih menanggung perbelanjaan sebanyak RM4.1 bilion walaupun KTMB diswastakan. Beliau juga ingin tahu adakah kerajaan masih terlibat dengan perbelanjaan KTMB ini walaupun ianya telah diswastakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan penswastaaan KTMB masih lagi di peringkat rundingan di antara kerajaan dengan pihak konsortium yang terlibat. Oleh itu, anggapan Yang Berhormat bahawa kerajaan masih menanggung perbelanjaan sebanyak RM4.1 bilion adalah tidak tepat kerana perkara ini masih lagi dirundingkan.

Berkenaan dengan penglibatan kerajaan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya bertanya mengapa tender terbuka tidak dijalankan ke atas penswastaaan KTMB. Dan sejauh manakah penglibatan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam perkara ini kerana salah satu daripada ahli konsortium Marak Unggul adalah Bolton Properties di mana syarikat ini syarikat bersekutu dengan Bolton Group Companies mempunyai ekuiti saham yang pernah dipegang oleh Yang Berhormat Presiden MCA. Adakah ini menimbulkan percanggahan kepentingan dengan pemberian kontrak ini tanpa dijalankan tender terbuka?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam soal kemudahan kerajaan yang diswastakan, tidak semuanya orang mahu kepada penswastaaan itu dan juga setengah-setengah daripada itu adalah kadangkala dipaksakan kepada sesetengah syarikat untuk mengambil bahagian, kerana kita semua tahu bahawa KTMB ini dahulu telah pun dikorporatiskan dan telah dilakukan berbagai-bagai untuk memajukan KTMB ini. Tetapi kita tahu KTMB ini ialah satu projek yang tidak boleh mendapat keuntungan dalam jangka masa yang pendek. Oleh kerana itu, ada di kalangan mereka yang telah diberikan penswastaaan yang lain, maka disuruh juga untuk mengambil alih KTMB ini.

Jadi, saya tidak mahulah pergi kepada detail tetapi pokoknya KTMB ini merupakan satu penswastaaan yang sebenarnya tidak menarik minat daripada banyak syarikat, sebab pertamanya kita tengok laluan yang ada sekarang pun cuma one way dan apabila diswastakan, memerlukan kepada diadakan satu trek yang lain pula dan membeli koc, membuat trek, yang memakan belanja banyak yang tidak menarik perhatian syarikat-syarikat untuk melabur dalam projek ini. Sebab itu, kadangkala apabila kita telah menswastakan sesuatu projek yang menguntungkan kepada satu pihak, kita suruh dia buat social obligation, social responsibility untuk mengambil alih penswastaaan yang tidak mendapat keuntungan yang begitu cepat dalam jangka masa yang pendek. Jadi, sebab itu tidak ada tawaran yang dibuat melainkan kita terpaksa panggil orang untuk mengambil bahagian dalam bidang ini.

Berkenaan dengan penglibatan kerajaan selepas penswastaaan bagi satu-satu projek, pada dasarnya kerajaan tidak patut terlibat. Namun begitu dalam keadaan tertentu, bagi menjamin

viability sesuatu projek serta mengurangkan impaknya terhadap pengguna, kerajaan boleh menyediakan sokongan yang tertentu kepada syarikat konsesi.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan isu penswastaaan MISC kepada Petronas. Berhubung dengan penswastaaan MISC kepada Petronas, kerajaan berpendapat bahawa langkah ini adalah wajar memandangkan Petronas akan menggunakan kemudahan MISC untuk tujuan mengeksport keluarannya, malah ianya akan memberi synergy kepada Petronas melalui pengambilalihan MISC ini. Di samping itu, dengan pengambilalihan ini, Petronas dapat menggunakan kemudahan perkapalan tempatan yang menyumbang kepada usaha untuk mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selain menjaga undang-undang juga menjaga Petronas dan MISC. Bermakna memang sudah ada sinerginya di situ. Maknanya di dalam rangka kerja saya, saya menjaga undang-undang, Petronas dan MISC, sewaktu MISC di bawah kerajaan dahulu, oleh sebab itu dia ada sinerginya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sungguhpun ada sinergi di sini, saya ingin bertanya sama ada Petronas ada membuat tawaran sebelum ini. Adakah satu tender terbuka dijalankan ke atas MISC? Saya membangkitkan perkara ini kerana kalau kita hendak satu harga yang paling berdaya saing atau yang paling baik sekali, cara untuk menjalankannya atau memastikannya ialah menerusi tender terbuka, bukanlah menerusi tender secara rundingan.

Sungguhpun Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa ia bukanlah begitu menarik, tetapi kalau kita lihat dari segi prestasi kewangan di mana kerajaan telah sudi untuk mengambil alih semua liabilitinya dan nilai aset ini melebihi nilai liabiliti, termasuk juga tanah-tanah yang boleh dibangunkan

untuk pembangunan perumahan. Saya rasa ia merupakan satu preposition yang penuh menarik sekali, a very attractive preposition. Mengapa tender terbuka tidak dijalankan? Sekurang-kurangnya kita cuba, kalau tender terbuka tidak menarik minat pelabur-pelabur, okay, mungkin kita boleh jalankan menerusi tender secara rundingan. Tetapi kalau tender terbuka tidak dicuba pada awal-awalnya, saya rasa ini bercanggah, berlawanan dengan prinsip utama penswastan, iaitu mendapat harga yang paling baik. Ini saya rasa serupa untuk MISC.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kadangkala kalau kita buka tender, kita ambil harga yang terbaik orang itu akan dia fleet the asset, dia ambil KTMB kemudian setelah diswastakan kepadanya, dijual habis asetnya. Jadi, kita tidak boleh kontrol, kerana dia telah memberikan harga yang terbaik. Kita tidak mahu dia fleet the asset. Seperti Yang Berhormat sebut tadi iaitu bahawa dia ada tanah-tanah yang baik.

Kita tidak mahu apabila diswastakan nanti khidmat (servis) kereta api macam itu juga, tetapi dia membangunkan atau menjualkan tanah-tanah yang menjadi aset kepada KTMB. Sebab itu kita memanggil pihak yang kita penuh keyakinan, yang telah pun mempunyai prestasi dalam penswastan yang lain untuk mereka ini mengambil alih KTMB, sebab kita tahu kalau kita buka, kerja dia nanti ialah untuk menjual habis tanah-tanah yang baik ini. Walhal tujuan kita menswastakan ialah bukan untuk dia fleet the asset, tetapi untuk membangunkan khidmat kereta api di negara kita. Jadi, itu adalah sebagai jawapan kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan MISC dengan Petronas ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum MISC adalah satu syarikat perkapalan. Kita tidak ada tradisi sebenarnya di kalangan kita yang terlibat di dalam shipping, tidak macam di Greece dan lain-lain. Oleh kerana Petronas sudah sememangnya memerlukan kepada penggunaan kapal untuk menghantar minyak dan lain-lain, jadi kita rasakan bahawa MISC ini patut diberi kepada Petronas.

Kita jangan lihat iaitu MISC diberi kepada Petronas, kita cuma lihat keuntungan, sebenarnya dia mengambil beban kerugian juga dan kita merasakan bahawa kalau dia diletakkan di bawah Petronas atau diberi kepada Petronas, maka Petronas akan mengendalikan syarikat perkapalan ini dengan baik. Kalau kita beri kepada syarikat lain yang syarikat itu dia beli, tetapi dia tidak ada barang untuk hantar, dia pun mengharapkan kepada orang lain untuk menggunakan kapalnya. Akhirnya kita swasta rugi. Kalau rugi besok, maka DAP akan cakap di dalam Dewan ini. Oleh sebab itu, kita merasakan bahawa dalam soal ini lebih baik, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ... oleh kerana Petronas sememangnya sudah menggunakan khidmat MISC ini, maka untuk tujuan sinergi dan kedua-dua ini adalah hak milik kerajaan, maka kita lebih mudah berbuat demikian, kerana memang Petronas memerlukan kepada khidmat perkapalan ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri. Saya ingat memang wajar MISC ini diambil alih oleh syarikat Petronas, iaitu syarikat minyak kerana ada sinergi di antara perkapalan dengan minyak.

Saya tidak tahu sama ada Kota Melaka lebih senang kalau MISC dijual kepada Shell atau kepada ESSO, mungkin itu yang Kota Melaka ingin sarankan - tidak tahulah. Mungkin Kota Melaka lebih senang dijual kepada ESSO ataupun Shell - mungkin ESSO yang lebih sesuai. Dan mungkin ada orang di sebelah Amerika kerana kononnya negara kita hendak campur misalnya Petronas tidak dibenarkan melibatkan pelaburan dengan Iran atau sebagai. Jadi, sama ada Kota Melaka setuju atau tidak tentang perkara ini, mungkin dia setuju saya tidak tahulah, saya minta penjelasan sedikit.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat Kota Melaka jadi Timbalan Menteri dan jawab okaylah. *[Ketawa]* Saya hendak suruh dia jawab inipun saya tidak dapat hendak menyelami apa pemikiran dia.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang pertama, saya ingin bertanya tentang penjualan MISC oleh Petronas. Apakah harga yang dibayar kepada Petronas dan apakah nett tangible asset MISC dan dari segi pembayarannya apakah price per share yang dibayar oleh Petronas untuk sahamnya dalam MISC?

Yang kedua, saya rasa Yang Berhormat dari Rompin semasa soal jawab beliau tidak ada di sini. Apabila saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan, adakah pihak Malaysia akan meminta negara-negara lain untuk sama-sama menentang campur tangan oleh Amerika Syarikat. Mungkin di masa itu beliau ada bisnesnya, lebih sibuk sedikit hendak mencari wang, jadi kita faham. Sekarang dia hanya masuk untuk daftarkan diri, hendak buat soalan sebarangan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan akan membenarkan pasukan penyiasat daripada Amerika Syarikat masuk untuk menyiasat Petronas? Kerana dalam perkara ini saya rasa rakyat Malaysia tidak akan bersetuju sebagai sebuah negara berdaulat untuk membenarkan Amerika Syarikat campur tangan dalam hal perdagangan negara kita dengan sebuah negara seperti Iran.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa kalau kita menimbulkan tentang campur tangan di dalam sebuah negara yang tidak demokratik, tidak dipilih oleh rakyat seperti Myanmar, Cuba ataupun Korea Utara, saya rasa kita boleh bersetuju tindakan yang diambil oleh Amerika Syarikat. Tetapi kalau perkara yang melibatkan kedua-dua buah negara yang dipilih oleh rakyat iaitu Iran pun ada pilihan raya, saya rasa apa yang dibuat oleh Amerika Syarikat adalah keterlaluan. Jadi, bolehkah saya dapat tahu sama ada pihak kerajaan akan meminta negara-negara ASEAN sama-sama berganding bahu menentang campur tangan yang dibuat oleh Amerika Syarikat dan juga menghalang

pasukan penyiasat yang ingin masuk ke Malaysia membuat siasatan baik ke atas Petronas mahupun negara Malaysia.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, kalau Amerika mengamalkan prinsip seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, iaitu dia menghormati pemimpin yang dipilih semua, kita boleh sokong Amerika Syarikatlah, tetapi di Grenada pada satu masa dahulu pun kerajaan itu adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, tetapi diserang juga. Jadi Amerika itu double standard, tidak berbangkit soal oleh kerana Myanmar ini sebuah negara yang tidak dipilih oleh rakyat, maka kita harus sokong kalau Amerika Syarikat masuk ke dalam. Yang Berhormat ingat Grenadakah? Grenada Jewel party, Jewel party itu dipilih. Kalau Yang Berhormat tidak ingat, saya minta maaf, mungkin Yang Berhormat kecil lagi pada masa itu tidak faham politik. Tetapi Jewel party di Grenada di sebuah pulau dia memilih kerajaan yang mirip kepada komunis, jadi Amerika tidak mahu di dalam backyardnya ada sebuah parti mirip komunis, jadi diserang. Itu dipilih oleh rakyat - diserang juga.

Kita tidak boleh gunakan Amerika ini sebab dia double standard dan saya hendak menyatakan di sini iaitu bahawa kita berdagang dengan Iran, jadi tidak ada soal Amerika hendak campur tangan dalam hal kita. Kalau kita ingat undang-undang Brettonwood yang diluluskan di Senate Amerika, yang melarang negara-negara ataupun businessmen daripada negara-negara lain untuk berniaga dengan Cuba. Tetapi bila Kanada berniaga dan beberapa negara berniaga dia tidak boleh buat apa, apa hak dia untuk mengeluarkan undang-undang terhadap sebuah negara yang berdaulat. Apa hak dia? Sebab

itu dalam hal ini saya kira bahawa dia tidak berhak untuk datang ke negara kita untuk membuat apa-apa penyiasatan. Ini negara kita dan kita berdagang dengan Iran itu kita punya fasallah. Dia hendak berdagang dengan bulankah, itu dia punya fasallah. Kita tidak mengambil tahu dia hendak berdagang dengan siapa. Oleh sebab itu dalam perkara ini kita tidak akan bersetuju kalau sekiranya dia hendak datang ke negara kita hendak menyiasat, apa fasal? Dia tidak ada hak untuk datang, dia tidak ada hak ke atas Iran pun. Waima Myanmar pun tidak ada hak untuk berbuat demikian, sebab negara ini mempunyai rakyatnya sendiri dan ada kerajaannya sendiri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya rasa tentang Myanmar kita mempunyai pendapat yang berbeza. Tetapi mengenai Petronas dan negara kita, saya telah menyatakan pendirian saya amat jelas bahawa Amerika Syarikat tidak mempunyai hak untuk campur tangan. Bolehkah saya boleh mendapat satu jawapan yang jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa negara kita tidak akan memberikan visa, tidak akan membenarkan pasukan penyiasat Amerika Syarikat datang ke Malaysia untuk menyiasat Petronas ataupun Malaysia kerana menjalinkan perdagangan dan hubungan dengan Iran. Saya harap soalan ini boleh dijawab dengan jelas supaya perkara ini boleh disampaikan kepada Amerika Syarikat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, perbezaan pendapat berkenaan Myanmar dan pandangan Yang Berhormat tidak penting. Pandangan saya adalah penting sebab bila saya fikir soal itu, saya dalam kerajaan, sebab kerajaan terima ASEAN. Jadi, Yang Berhormat

kata berbeza pendapat simpan sendiri sudahlah, tidak payah beritahu pada orang, sebab tidak ada apa-apa. Kalau Yang Berhormat kata saya tidak setuju dengan Myanmar - tidak setuju tidak ada apa-apalah. Itu sahajalah. Myanmar tetap menjadi anggota ASEAN. Apa yang saya fikir dan apa yang kawan saya fikir itu adalah penting, sebab kita dalam kerajaan pada hari ini. Jadi, sudah tentulah pemikiran majoriti itu adalah lebih baik daripada pemikiran minoriti.

Berkenaan dengan visa ini saya di Jabatan Perdana Menteri, visa ini adalah Kementerian Dalam Negeri. Saya harap Yang Berhormat apabila di masa penggulungan Kementerian Dalam Negeri nanti tanyalah kepada Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Collective responsibility!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Collective responsibility!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau begitu baik saya jawab semua. Saya jawab untuk pendidikan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Petronas!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sukan semua saya jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Petronas! Petronas!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Petronas di bawah saya. Visa di bawah Kementerian Dalam Negeri, tidak faham. Ini yang saya kata tidak faham. Kita ada pembahagian....

**Tuan Lim Guan Eng:** Cakap sahaja lain....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .... kuasa Yang Berhormat. Kalau JPM semua, saya jawab semualah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat wakil.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Semua yang ini .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, tidak payah jawablah kerajaan apa ini....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah duduk saya akan jawab. Jadi, Yang Berhormat kalau sudah tidak betul, tidak betullah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, kerajaan atau wakil kerajaan ini....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak betul, sebab kami ada ini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ....Timbalan Menteri semua dalam kerajaan menunggu untuk menjawab. Nanti apabila Kementerian Dalam Negeri, tanya Kementerian Dalam Negeri, sebab ini adalah soal visa. Petronas saya jawab, kalau visa tanya kementeriannyalah.

Mengenai MISC sudah habislah, lega saya.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab kita sayangkan dia. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kota

Melaka kerana memberi sokongan kepada kerajaan dalam isu pelaburan Petronas dalam Iran, kalau boleh sokong, jangan di luar Dewan tidak sokong pula. Syabas kepada dia.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, adakah cara Amerika Syarikat ini macam hendak jadi 'The World Policeman' - mungkin Dato' Timbalan Menteri boleh memberi sedikit kenyataan, kaedah Amerika ini. Baru-baru ini apabila IMF setuju hendak memberi US\$10 bilion kepada Indonesia, banyak wang daripada Asia Pasifik, Amerika pula tidak bersetuju. Bila hendak bantu jiran kita dia tidak bersetuju, bila kita cuba hendak berniaga di tempat lain dia juga tidak setuju, sebab bukan melabur dalam negaranya.

Saya minta pandangan kerana Dato' adalah seorang pemimpin muda, masa depan dunia akan datang macam mana? Dengan kaedah dan cara Amerika ini, saya ingat ini mungkin satu kenyataan, satu pandangan yang agak keras yang visa itu dia sahaja hendak melaga-lagakannya. Kota Melaka ini walaupun dia memberi sokongan, tetapi dia tarik balik sedikit. Jadi, saya hendak minta sedikit pandangan Dato' Timbalan Menteri, Amerika ini macam 'angkuh' sedikit, boleh kata 'angkuh'. Mungkin Dato' ada satu saranan, pandangan atau kenyataan yang dari segi isu Amerika ini saya rasa kalau menggunakan perkataan Yang Berhormat dari Yan pun saya malas, tetapi 'angkuh' mungkin Dato' tidak bersetuju ataupun lebih keras sedikit Dato' hendak buat mengenai perangai Amerika Syarikat sekarang ini. Saya minta pandangan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak dapat hendak memikirkan satu perkataan yang teruk dan keras untuk mengatakan Amerika Syarikat ini, tetapi saya nampak dia macam DAPlah, sebab Amerika Syarikat tidak siapa pilih dia jadi 'The World Policeman', tetapi dia lantik dirinya sendiri. Begitu juga DAP dia berucap rakyat - rakyat - rakyat, tetapi pilih cuma berapa orang? Sembilan orang sahaja. Yang kita seratus lebih orang tidak macam itu. Jadi,....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat telah hilang daratan. Saya dipilih oleh rakyat saya. Ini tidak ada standardlah. Saya ahli Parlimen, saya dipilih oleh rakyat. Apa ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yalah, kita bercakap rakyat. Kalau Yang Berhormat berdiri, rakyat Kota Melaka merasakan - saya boleh terimalah. Tetapi kalau rakyat, maknanya rakyat Malaysia, rakyat Malaysia berapa orang yang memilih Yang Berhormat DAP, tidak lebih daripada sepuluh saya ingat. Kami ini seratus tujuh puluh lebih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ada satu juta undi. Tetapi sepuluh orang ahli Parlimen apa boleh buat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa dia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada satu juta undi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, mana sistem demokrasi yang satu juta undi boleh mengatasi lapan juta undi yang kami dapat, apa ini? Mana ada sistem macam itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu juta undi untuk sembilan ahli Parlimen apa ini!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau begitu lebihlah daripada DAP, jauh lebihlah daripada DAP. Cuma saya tidak ada figure sahaja, tetapi saya tahu lebih daripada sejuta, takkan sembilan orang dapat undi satu juta, kami satu ratus enam puluh dapat sejuta juga! Gunakan akal sedikit, tanya budak darjah lima pun dia tahu kita lebih. Amerika macam DAP, macam inilah. Saya tidak tahu perkataan 'teruk' lebih daripada itu, tetapi saya cuma kata Amerika macam DAP, itu yang saya boleh kata, Yang Berhormat. Jadi,....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini cara baru.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, Tuan Pengerusi,....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tumpat bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tumpat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tumpat hendak tanya?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Hendak bertanya sedikit.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha! Hendak sokong Amerika atau sokong kita! Sokong siapa?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya sokong Malaysialah. *[Ketawa]*

Yang Berhormat, apakah kerajaan bersedia untuk menghadapi beberapa kemungkinan yang akan dilakukan oleh Amerika terhadap negara kita, di mana Amerika mahu sebagaimana isu yang terakhir ini, Amerika mahu menyiasat Petronas, kita melarang. Apakah tidak akan menjadi nasib sebagaimana Iraq, apabila Amerika mahu menyiasat senjatanya beberapa tahun yang dia lewat, Iraq telah melarang dan pihak Amerika telah melakukan beberapa tindakan termasuk sekatan itu dan sekatan ini. Akibat daripada itu maka terjadilah pembobrokan ekonomi dan sebagainya dalam negara tersebut. Apakah Kerajaan Malaysia sekarang bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan dilakukan oleh Amerika? Apakah langkah-langkah tindakan balas Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Amerika mengenai kebongkakan dan keangkuhan Amerika terhadap Kerajaan Malaysia?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapannya senang Yang Berhormat, kalau kita penakut, kalau kita dayus, kita bacul, kita terimalah apa Amerika hendak buat pada kita, itulah tanggungjawab kita. Yang Berhormat boleh jawab sendirilah. Ini negara merdeka, rakyat pilih kita. Kalau kita sebagai seorang suami, orang masuk ke dalam rumah hendak tengok seluar dalam isteri kita, kita hendak beri? Saya ingat, saya tidak perlu jawablah perkara ini, saya faham Yang Berhormat pun cinta pada Malaysia. Kita sama-sama hadapi, Yang Berhormat, ini negara kita, ini bukan soal kerajaan sahaja. Saya percaya kita tidak mahu menjadi bacul, tidak menjadi penakut

dan kita tidak mahu menjadi hamba di dalam negara kita sendiri. Ini adalah negara kita, rakyat pilih kita, kita bebas berbuat apa yang kita fikirkan dan mengikut undang-undang kita. Itu sahaja. Saya ingat kalau kita pergi lebih daripada itu lain pula ceritanya. Jadi, Yang Berhormat pun rakyat Malaysia, saya percaya cinta kepada Malaysia dan kita tidak ada pilihan lain.

Ada sedikit lagi Kota Melaka iaitu berkenaan dengan Peguam Negara. Seperti Yang Berhormat kata Peguam Negara menyepikan diri. Sebenarnya jangan marah kepada Peguam Negara, Peguam Negara telah cuba seberapa yang boleh sebab itu kadangkala dia layan surat khabar semua, tetapi kadangkala apa yang disebut adalah berbeza dengan surat khabar. Sekarang ini kita merasakan bahawa lebih baiklah dia tidak menghadiri mana-mana majlis kerana tidak mahu apa yang disebut akan menjadi satu isu dan kontroversi pula sepertimana yang dia berucap katalah di sesuatu tempat berkenaan dengan Bar atau sebagainya. Jadi, itu pandangan dia, tetapi oleh kerana dia Peguam Negara dia tidak dapat hendak pisahkan antara individu dengan Peguam Negara, maka orang akan quote kenyataannya sebagai Peguam Negara dan telah menjadi satu dasar pula. Oleh sebab itu dia mengambil keputusan bahawa lebih baiklah dia menjauhkan diri macam mana Hakim-hakim juga harus menjaga diri mereka, jangan terlalu dekat dengan masyarakat, sebab dia menjadi satu orang yang membuat keputusan, jadi dia tidak boleh terlalu sosial sangat. Begitu juga Peguam Negara, adalah lebih baik untuk dia hanya menjalankan tugas sahaja dan tidak menghadiri majlis-majlis ini,

bimbang nanti dalam ucapan yang terpaksa dibuat, mungkin disalahtafsirkan, tidak mengikut apa yang disebutkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah sesuatu yang amat ganjil sekali, kerana dia tidak pernah berlaku ke atas bekas Peguam Negara yang lain sebelum ini, mereka tidak menghadapi masalah kenyataannya disalahtafsirkan, kerana apa yang mereka nyatakan dilakukan dengan betul oleh surat khabar, tetapi sekarang Yang Berhormat pula menyatakan semua kenyataannya disalahtafsirkan, iaitu disalahlaporkan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat ganjil sekali. Adakah kemungkinan bahawa sebenarnya ia mungkin ‘celupar’ sedikit bercakap tidak berapa betul dan selepas kenyataan dikeluarkan, cuba tarik balik tetapi tidak boleh ditarik balik. Sekarang menggunakan cara macam ini memencilkan diri supaya tidak kena lagi. Saya rasa kalau begitu mungkin peranannya dan kesesuaiannya haruslah ditimbang semula.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tanggungjawab dia ialah untuk membuat keputusan, untuk mendakwa bukan untuk seronok-seronok pergi ke mana-mana dan sebagainya. Saya sudah kata bahawa sebenarnya dia telah berikhtiar untuk selalu berjumpa dengan press, begitu juga Hakim Besar kita, tetapi kadangkala dia melihat bahawa kenyataannya itu disalahtafsir atau mungkin diputarbelit. Jadi, adalah lebih baik untuk mengelak daripada apa-apa isu yang kontroversi, lebih baik dia tidak mendekati majlis-majlis terbuka seperti ini, kerana dia terpaksa mengambil kira berbagai-bagai pertimbangan dahulu baru hendak bercakap, kerana dia tidak boleh bebas.

Kalau Yang Berhormat ingat dahulu semasa Tan Sri Abu Talib pun ada juga masalah ini. Yang Berhormat ini selalu bercakap macam ini, dahulu tidak ada, sekarang ada. Dahulu pun ada, isu besar juga, tetapi mungkin Yang Berhormat kecil lagi pada masa itu, tidak faham surat khabar atau belum pandai baca lagi. Dahulu pun berlaku, jadi jangan selalu suka sangat cakap, dahulu tidak ada sekarang ada. Tidak boleh cakap macam itu. Dahulu pun ada.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana ada bekas Peguam Negara memencilkan diri?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan memencilkan diri, kenyataan saya kata. Dia pun dahulu tidak pernah....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini Tan Sri....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia Tan Sri.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tan Sri yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tan Sri Abu Talib dahulu pun....

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tan Sri Abu Talib dahulu pun, kalau Yang Berhormat tengok dia pilih majlis yang dia pergi. Dia lebih reserve lagi. Jadi, lebih reserve lagi, sekurang-kurangnya Tan Sri Mokhtar ini dia mahu juga bercakap, tetapi Tan Sri Abu Talib dia lagi reserve. Saya rasa kalau orang tidak kenal dengannya, mereka ingat dia sombong. Saya tahu, saya pernah jumpa dia, saya pun kenal juga, sebab dia begitu. Jadi, tidak

seperti Yang Berhormat kata bahawa dia itu lebih campur-gaul - tidak benar. Sebenarnya Tan Sri Abu Talib itu dahulu lebih lagi memilih mana-mana tempat yang dia hendak pergi daripada AG yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyatakan sekali lagi seperti Yang Berhormat kata berkenaan dengan BPR iaitu laporan yang berjumlah RM1 juta. Laporan yang dibuat oleh pegawai BPR itu okay - tetapi jangan sebut jumlah, bila jumlah tidak betul kita boleh pertikaikan. Kalau RM1 juta tidak betul kita boleh pertikaikan dalam surat khabar, sebab dia menyatakan sesuatu yang tidak betul. Jadi, jangan marah kepada BPR kalau dia mengambil tindakan untuk melaporkan kepada polis untuk mempertikaikan perkataan yang tidak betul iaitu RM1 juta itu. Apabila BPR menggunakan haknya untuk membela diri dia tidak boleh - kalau surat khabar tulis apa pun boleh, tidak boleh macam itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kota Melaka bangun lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, mengenai perkara ini apakah bezanya kalau laporan akhbar menyatakan bahawa ada seseorang pegawai pendakwa BPR telah disiasat, ditahan dan dipindahkan ke bahagian lain selepas cuba mengambil wang sogokan sebanyak RM1 juta. Sekarang Yang Berhormat menyatakan bukan RM1 juta, apa bezanya kalau seorang yang mencuri satu biji apple atau dua biji apple, baik papaya atau rambutan satu dan dua, dia masih mencuri. Tetapi perbezaan ialah jumlahnya, kalau dari segi substantive perkara ini berlaku, tetapi kerajaan cuba mengambil tindakan

menganiayainya kerana jumlah sogokan yang dia sebutkan tidak betul. Saya rasa ini akan menggagalkan usaha kerajaan untuk menghapuskan rasuah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat bukan peguam, saya tahulah Yang Berhormat tidak faham. Tetapi bagi kami peguam detail is very important. Sebab kalau dalam charge dan sebagainya kita kena sebut jumlah yang betul. Kalau jumlah tidak betul kes kena tendang, hendak kena amend dan sebagainya. Selain daripada itu apabila disebut RM1 juta, ini memberi gambaran kepada orang ramai bahawa memang teruklah kes itu kerana RM1 juta. Oleh sebab itu kita lebih selesa kalau kita mengatakan bahawa ada pegawai BPR yang didakwa melakukan kesalahan. Dan perbezaan RM1 juta itu ialah di antara menipu dan tidak tipu, sebab kalau dia kata bahawa seorang pegawai pendakwa raya ditangkap ataupun ditahan serta ditukar kerana mengugut - itu betul. Tetapi bila kata mengugut RM1 juta itu sudah menipu, jadi perbezaannya ialah di antara penipuan dengan benda yang betul, this is relevant - is relevant, Yang Berhormat. Sebab itu kita.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah jawab ini. Hendak lagi? Duduklah. Saya hendak jawab apa hendak lagi, tidak habislah kalau macam ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti cakaplah hal yang lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apakah jumlah yang dia.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah. Tidak payah.

**Tuan Lim Guan Eng:** .... say the amount.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah sebut. Sebab itu adalah perbezaan di antara ‘correct reporting’ dengan ‘incorrect reporting’ is very important. Letak RM1 juta telah jadi ‘incorrect reporting’. Jadi, Yang Berhormat kena faham perbezaan ini. Saya tahulah mungkin Yang Berhormat tidak ada keupayaan untuk membezakan perkara ini sebab saya adalah seorang peguam, jadi saya dilatih (train) sebagai peguam macam Yang Berhormat dari Jelutong. Kita tahu perbezaan ini, jadi saya ingat Yang Berhormat okay....*[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. ‘Correct reporting’, ‘incorrect reporting’, ‘false reporting’. Di antara ‘incorrect reporting’ dan ‘false reporting’ ada perbezaan bukan? Incorrect reporting is not false reporting. Jika ada satu kesilapan itu boleh diubah bukan, bersetuju? What kind of lawyer are you? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Siapa yang bercakap tentang 'false reporting'. Saya cakap 'incorrect reporting'. 'Incorrect reporting' tidak menggunakan *mens rea*, dia tidak ada niat apa, dia 'incorrect'. 'False reporting' menggunakan '*mens rea*', dia tahu benda itu tidak betul, dia tipu. Jadi, itu perbezaannya. Saya cakap 'incorrect' dengan 'correct'. Perbezaan hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat daripada Kota Melaka 'correct' dengan 'incorrect'. Ini 'false reporting' siapa cakap 'false reporting' ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat kalau baru masuk tidak dengar lagi perjalanan perbahasan, jangan masuk campur. *[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya terpaksa habiskan kerana sudah satu jam lebih ini. Satu jam setengah sudah habis.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya membuat perbezaan di antara 'correct' dengan 'incorrect'.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada pertanyaan Yang Berhormat .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, saya harap supaya.....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak habiskan perkataan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri, Jelutong.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak beri jalan Yang Berhormat kerana saya hendak jawab habis. Ya, saya beritahu mengapa RM1 juta ini relevan. Relevannya ialah kerananya perkataan ‘RM1 juta’ ini akan menyebabkan perkara itu ‘incorrect reporting’. Saya tidak.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi bukan ‘false’? Yang mendakwa itu kena dakwa ‘false reporting’.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, okay.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat,.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini siapa ‘dayus’ sekarang? Siapa pengecut sekarang?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dialah penakut. Dia tidak faham, dia pekak. Inilah masalah (problem) saya pada hari ini hendak jawab dia. Okay, Yang Berhormat dari Serdang .....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ....banyak lagi Yang Berhormat saya minta maaf, bukan tidak mahu beri jalan kerana sudah satu jam lebih ini. Lain kali Yang Berhormat dari Jelutong datang awal sedikit supaya dapat mengambil bahagian.

Yang Berhormat dari Serdang juga membangkitkan berkenaan dengan penswastan Lembaga Lebuhraya Malaysia di Jalan Balakong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Balakong adalah termasuk dalam projek penswastan Sistem Langkaran Kajang, di mana Jalan Balakong akan dinaikkan taraf kepada tiga lorong dua hala dan jalan ini tidak dikenakan tol.

Mengenai dasar Lembaga Lebuhraya Malaysia, berhubung dengan penggunaan lampu isyarat, sukacita dimaklumkan pada prinsip bagi lebuhraya yang diswastakan, kerajaan tidak menggalakkan penggunaan lampu isyarat dan sebagai ganti persimpangan bertingkat perlu dibina. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu pembinaan persimpangan bertingkat setelah diteliti tidak dapat dilaksanakan oleh kerana tidak ada ruang yang mencukupi untuk tujuan pembinaan persimpangan bertingkat yang berkenaan termasuk keadaan tanah yang terhad.

Dalam kes penswastan Jalan Balakong, lampu isyarat masih digunakan di persimpangan Jalan Balakong-Jalan Sungai Besi oleh kerana ketiadaan ruang yang mencukupi untuk tujuan pembinaan persimpangan yang berkenaan. Di samping itu, sekiranya pembinaan persimpangan bertingkat dilaksanakan, ianya akan membawa masalah teknikal oleh kerana terdapat

persimpangan Sri Kembangan-Jalan Sungai Besi yang terlalu hampir dengan persimpangan Jalan Balakong dan Jalan Sungai Besi.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa sejauh setengah kilometer dari Jalan Balakong tidak termasuk dalam konsesi ini, sukacita dimaklumkan bahawa sejauh 660 meter daripada jalan tersebut telah pun dinaik taraf oleh pemaju The Mines Resort kepada tiga lorong dua hala sehingga ke persimpangan Jalan Balakong-Jalan Sungai Besi. Dengan demikian tidak ada keperluan lagi untuk memasukkan ke dalam konsesi penswastan ini. Walau bagaimanapun, perundingan sedang dijalankan dengan pihak syarikat konsesi supaya penyelenggaraan bagi jalan sejauh 660 meter tersebut dikendalikan oleh syarikat konsesi.

Berkenaan dengan penswastan LRT.....

**Dato' Yap Pian Hon:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Panjang lagi, Yang Berhormat. Oleh kerana pegawai saya sudah jawab begini kalau ada apa-apa Yang Berhormat boleh utarakan kepada saya tentang perkara ini.

Berkenaan dengan penswastan LRT, mengenai dengan pandangan Ahli Yang Berhormat supaya pembinaan sistem LRT disambungkan ke Bandar Baru Puchong dan seterusnya ke KLIA Sepang, adalah dimaklumkan bahawa cadangan tersebut akan melibatkan kos yang tinggi dan tidak viable untuk dilaksanakan pada masa ini oleh syarikat konsesi yang terlibat dalam

penywastaan Sistem LRT. Dengan itu penelitian yang mendalam perlu dibuat sebelum sebarang keputusan mengenai perkara ini dibuat. Di samping itu kerajaan juga telah meluluskan penswastaan, pembinaan sistem rel laju (ERL) dari pusat bandar Kuala Lumpur ke KLIA Sepang yang sekarang ini dalam peringkat pembinaan yang boleh mewujudkan interfacing bagi kedua-dua laluan LRT dengan ERL. Dengan demikian, penumpang LRT boleh menggunakan perkhidmatan ERL untuk ke KLIA Sepang. Tambahan pula sekiranya LRT juga dibina ia akan menjejaskan viability projek ERL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat konsesi projek ERL juga akan membina sistem kereta api komuter (CRS) dari Kuala Lumpur ke KLIA Sepang. Sistem CRS ini akan menggunakan koridor yang sama dengan ERL di mana Sistem CRS tersebut menyediakan lebih banyak stesen. Dengan demikian, keperluan untuk mengadakan perkhidmatan LRT dalam tempoh terdekat adalah tidak timbul.

Yang Berhormat dari Mersing menyentuh masalah menghubungi Jabatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui telefon. Talian telefon adalah mencukupi walaupun tidak dinafikan ada ketika semua talian digunakan. Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam akan berusaha mengatasi masalah yang seasonal ini.

Yang Berhormat dari Mersing juga ingin tahu berkenaan dengan peruntukan RM99,000 untuk masjid di Wilayah Persekutuan. Adalah menjadi hasrat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan supaya masjid bukan hanya sebagai tempat sembahyang dan ibadat tertentu sahaja, malah lebih jauh

daripada itu masjid juga merupakan tempat melaksanakan pelbagai kegiatan termasuklah menjadi pusat sumber dan tempat menimba ilmu uhrawi dan ilmu duniawi.

Sehubungan dengan itu masjid-masjid di Wilayah Persekutuan telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang meliputi sekolah agama, ruang pejabat, bilik mesyuarat, dewan syarahan, bilik kursus, bilik seminar, bilik bacaan dan di setengah-setengah masjid telah disediakan perpustakaan atau mini perpustakaan. Walaupun pada masa ini masjid-masjid ini telah mempunyai banyak buku-buku atau kitab-kitab di bilik bacaan atau perpustakaan, namun Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan berpendapat bahawa bilangan dan jenis buku itu masih boleh ditambah dari semasa ke semasa berikutan munculnya pelbagai koleksi bahan bacaan setiap hari.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah memohon sejumlah peruntukan untuk membekalkan buku-buku tambahan untuk masjid-masjid ini. Pada peringkat permulaan ini jabatan akan memperuntukkan sejumlah RM3,000 setiap satu kepada 33 buah masjid yang ada di Wilayah Persekutuan ini. Program menambahkan buku ini akan diteruskan dari semasa ke semasa kepada masjid ini dan program ini akan diperluaskan kepada surau-surau Jumaat dan kesemua surau di Wilayah Persekutuan jika keadaan kewangan mengizinkan.

Mengenai buku-buku yang akan dibekalkan pula untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku-buku yang akan dibekalkan tidak hanya berkisar kepada buku-buku bercorak agama, tetapi meliputi juga buku-buku bacaan

umum, buku-buku akademik, buku-buku rujukan persekolahan dan pelbagai buku yang difikirkan sesuai dengan harapan masyarakat akan bersikap lebih terbuka, telus serta menimba pelbagai bidang ilmu yang ada.

Mengenai pengurusan buku-buku ini di masjid-masjid buat masa ini, buku-buku tersebut diselia oleh jawatankuasa pentadbir masjid. Sukalah saya merakamkan ucapan terima kasih di atas saranan-saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan akan memastikan supaya satu sistem pengendalian buku-buku ini disediakan dan insya-Allah jabatan akan mengaturkan kursus-kursus yang berkaitan dengan perpustakaan kepada mereka yang terlibat dalam pengendalian buku-buku ini di masjid-masjid di Wilayah Persekutuan.

Mengenai memasukkan Beriteks dalam komputer untuk kegunaan Parlimen, Jabatan Parlimen akan berusaha menguruskan perkara ini, mempercepatkan aturan mesyuarat ke dalam Internet. Walaupun telah dimasukkan Jabatan Parlimen akan berusaha dan mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat dari Mersing.

Yang Berhormat dari Mersing juga membangkitkan berkenaan mengapa JPA menghantar pegawai-pegawai ke Why College untuk mengikuti kursus asas komputer sedangkan kursus yang sedemikian ada dalam negeri. Sebenarnya kursus Computer and Rural Development telah direkabentuk oleh Why College khusus ditujukan kepada peserta-peserta di negara membangun. Kandungan kursus tersebut meliputi bidang berkaitan pembangunan luar bandar iaitu dalam aspek pengurusan projek, penguasaan projek, pengawalan

kos dan juga metodologi penyelidikan. Kursus ini sebenarnya mendedahkan peserta kepada aplikasi komputer dalam aspek-aspek di atas. Dalam keadaan ini, kursus asas komputer terpaksa diajar kepada peserta terlebih dahulu khususnya kepada mereka yang tidak mempunyai asas. Kursus yang sedemikian sebenarnya tidak terdapat di Malaysia.

Yang Berhormat dari Jelevu.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Mersing bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, sebenarnya saya sudah jawab, jadi saya tidak ada masa. Saya pun ada yang lain lagi ini, saya minta supaya diizinkan untuk terus menjawab.

Penempatan pasangan suami-isteri dalam satu tempat kerja. Perlantikan pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan JPM, tetapi penempatan diuruskan oleh Kementerian Pendidikan. Jadi yang ini kena tanya Kementerian Pendidikanlah.

Berkenaan kenaikan pangkat pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Kenaikan Pangkat yang diperuntukkan di bawah Pemberitahu Undang-undang AM89 dan pemilihan calon-calon untuk dinaikkan pangkat adalah berasaskan kepada kriteria terutamanya merit perkhidmatannya. Pengisian jawatan kosong guru besar dan pengetua adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat dari Jelebu juga ada membangkitkan atau menegur Unit Penyelaras Pelaksanaan mengenai pelaksanaan projek jalan kampung dan jambatan tidak berkualiti. Jadi, jawapannya ialah pelaksanaan projek-projek kecil luar bandar di bawah peruntukan Unit Penyelaras Pelaksanaan (UPP) seperti jalan kampung adalah dilaksanakan oleh pejabat kemajuan negeri dan pejabat daerah. Projek-projek ini dibina oleh kontraktor kelas F di peringkat daerah masing-masing melalui proses sebut harga dan proses tender kalau melebihi RM100,000. Pembinaan projek jalan kampung dan projek kecil yang lain adalah berdasarkan spesifikasi dan kriteria dan panduan yang telah ditetapkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan. Panduan ini disertakan bersama dalam dokumen sebut harga kepada kontraktor yang berjaya.

Untuk memastikan pembinaan projek-projek jalan kampung ini memenuhi kualiti yang ditetapkan, ianya diawasi oleh juruteknik dari pejabat daerah. Setelah projek ini siap pegawai daerah atau wakilnya, ketua pegawai daerah ataupun penolong akan membuat pengesahan dan setelah berpuas hati barulah proses pembayaran disediakan kepada kontraktor.

Bagi memastikan penyediaan infrastruktur jalan yang berkualiti dan pengwujudan delivery system yang efisien, kerajaan telah meluluskan pendekatan baru pelaksanaan projek jalan kampung secara konsep payung mulai tahun 1997. Di bawah konsep ini kontraktor-kontraktor bumiputera berwibawa dilantik sebagai syarikat payung. Untuk melaksanakan projek PJK di negeri dan daerah-daerah kontraktor anak payung yang terdiri dari kontraktor-kontraktor kelas F yang mempunyai rekod prestasi yang baik dan

benar-benar mampu melaksanakan PJK sahajalah dipilih. Di samping itu sebagai usaha untuk memperbaiki kualiti dan meningkatkan ketahanan projek jalan kampung (PJK), maka telah diputuskan untuk melaksanakan teknologi perawatan tanah dengan menggunakan enzyme satellite bagi kawasan-kawasan yang sesuai. Selain daripada memperkukuhkan struktur jalan dalam tempoh jangka panjang, penggunaan teknologi ini dijangka dapat mengurangkan kos pembinaan PJK sehingga 30%.

Yang Berhormat dari Jelevu juga bertanya berkenaan dengan terdapat pegawai-pegawai kerajaan telah bertugas lama di satu-satu jabatan dan tidak diberi peluang untuk bertukar ke jabatan lain. Di dalam urusan pertukaran pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Persekutuan gunasama di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, beberapa kriteria ditetapkan sebelum pertukaran dibuat. Antaranya ialah:

- pegawai telah lama bertugas di kementerian, jabatan berkaitan;
- adanya permohonan daripada pegawai berkenaan;
- cadangan daripada ketua jabatan di mana pegawai berkenaan bertugas; dan
- pusingan kerja bagi mempelbagaikan pengalaman dan pendedahan pegawai ini.

Selalunya kriteria dan panduan ini adalah diikuti.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di

peringkat Jawatankuasa ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya harap kalau sekiranya ada apa-apa yang mungkin tertinggal oleh saya, silalah hubungi saya untuk saya memberikan jawapan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM36,723,100 untuk Maksud B.1; RM1,075,600 untuk Maksud B.2; RM43,239,100 untuk Maksud B.3; RM19,993,800 untuk Maksud B.4; RM16,062,500 untuk Maksud B.5; RM6,478,300 untuk Maksud B.6; RM1,035,571,400 untuk Maksud B.7; RM428,899,000 untuk Maksud B.8; RM55,196,200 untuk Maksud B.9; RM24,879,600 untuk Maksud B.10; RM32,167,500 untuk Maksud B.11; RM914,600 untuk Maksud B.12 dan RM976,500 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM36,723,100 untuk Maksud B.1; RM1,075,600 untuk Maksud B.2; RM43,239,100 untuk Maksud B.3; RM19,993,800 untuk Maksud B.4; RM16,062,500 untuk Maksud B.5; RM6,478,300 untuk Maksud B.6; RM1,035,571,400 untuk Maksud B.7; RM428,899,000 untuk Maksud B.8; RM55,196,200 untuk Maksud B.9; RM24,879,600 untuk Maksud B.10; RM32,167,500 untuk Maksud B.11; RM914,600 untuk Maksud B.12 dan RM976,500 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,072,232,400 untuk Maksud P.7 dan RM22,426,500 untuk Maksud P.8

yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,072,232,400 untuk Maksud P.7 dan RM22.426,500 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] -  
Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Maksud B.14 hingga B.16 dan Maksud P.14 dan P.16 terbuka untuk dibahas.

#### **USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)**

#### **Cadangan Memotong Gaji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya,  
Yang Berhormat.

**5.10 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membentangkan Usul untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10 atas tiga perkara utama:

- (i) tentang kegagalan program pembinaan rumah kos rendah;

- (ii) masalah peruntukan yang tidak mencukupi untuk kampung-kampung baru; dan
- (iii) mengenai masalah keengganan Kerajaan Negeri Melaka mematuhi arahan Kabinet bahawa semua rumah bumi yang tidak dapat dijual selepas enam bulan mestilah dilepaskan secara automatik.

Tetapi masalah utama ialah tentang keengganan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengakui kegagalan program pembinaan rumah kos rendah kerajaan di mana hanya 26% berjaya dibina dengan mengatakan kegagalan sedemikian bukanlah kegagalan sebenarnya, tetapi hanya tidak mencapai sasaran. Ini adalah sungguh tidak bertanggungjawab sekali.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri memainkan peranan sebagai penyelia di antara negeri-negeri yang menjalankan pembinaan rumah kos rendah, kenyataan tidak bertanggungjawab ini menunjukkan ia tidak mengambil berat langsung tentang usaha membekalkan rumah kepada golongan miskin.

Laporan Ketua Audit Negara tahun 1996 telah mengesahkan kegagalan beliau dan kerajaan dalam program pembinaan rumah kos rendah dengan prestasi pencapaian hanya 25.64%, tetapi memakan 80% daripada kos pembinaan. Semakan Yang Berbahagia Ketua Audit Negara ke atas rancangan perumahan awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) mendedahkan perkara-perkara berikut.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RMK6), kerajaan-kerajaan negeri merancang untuk membina 34,000 unit rumah kos rendah dengan peruntukan berjumlah RM332.78 juta ataupun dengan kos RM9,426 seunit. Walau bagaimanapun, hanya 9,052 unit rumah atau 25.64% daripada yang dirancang telah dibina dengan kos sebanyak RM265.73 juta ataupun memakan perbelanjaan 80% daripada peruntukan pembinaan rumah kos rendah sebanyak RM332.78 juta. Dengan kata lain 26% rumah telah dibina dengan hampir 80% peruntukan. Ini bermakna 9,052 unit rumah kos rendah dibina dengan kos RM29,336 seunit ataupun lebih tiga kali ganda daripada kos asal yang dirancang. Oleh itu saya tidak faham macam mana Yang Berhormat Menteri boleh menganggap prestasi pencapaian pembinaan sedemikian boleh dianggap sebagai, dengan izin, 'bukan kegagalan, hanya tidak mencapai sasaran'.

Sebagai seorang bekas ahli akademik dan pensyarah, adakah beliau juga akan menyatakan penuntutnya tidak gagal, tetapi hanya tidak mencapai sasaran, kalau memperolehi 26 markah daripada 100. Saya rasa ini tidak akan berlaku, kalau gagal tetap akan gagal, tidak akan dijadikan alasan sebagai tidak memenuhi atau mencapai sasaran, tidak tahu macam mana boleh jadi pensyarah, sebab itu dia masuk politik. Tindakan yang bertanggungjawab dan positif ialah mengakui kegagalan kerajaan dan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini. Kegagalan beliau berbuat demikian telah menjejaskan keyakinan orang ramai ke atas kesesuaiannya

sebagai Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mewajibkan usul memotong gajinya RM10 hari ini.

Adalah jelas bahawa pencapaian pembinaan rumah kos rendah bukan sahaja gagal dari bilangan rumah, tetapi juga daripada kosnya. Pahang, Sarawak dan Perlis sebagai contoh di dalam Laporan Ketua Audit Negara merupakan negeri yang paling teruk sekali, kerana bukan sahaja tidak mencapai sasaran, tetapi melebihi peruntukan kos pembinaan. Perlis membina 30% daripada rumah kos rendah dengan kos perbelanjaan RM6.24 juta yang melebihi peruntukan asal RM6 juta. Pahang hanya membina 27% daripada rumah kos rendah dengan perbelanjaan RM64.81 juta berbanding dengan peruntukan asal RM48.95 juta dan Sarawak pula membina 36% daripada rumah kos rendah yang disasarkan, tetapi dengan perbelanjaan RM90.73 juta berbanding dengan peruntukan asal RM67.77 juta.

Tuan Pengerusi, ini bermakna kos asal sebuah rumah kos rendah di Perlis yang asalnya ialah sebanyak RM9,547 dibina akhirnya dengan kos RM32,000 dan ini dijual dengan harga RM25,000. Kos asal sebuah rumah kos rendah di Pahang sebanyak RM6,127 dibina pula dengan harga RM29,977 dan kos asal sebuah rumah kos rendah di Sarawak sebanyak RM11,378 sebenarnya dibina dengan harga RM42,838. Ini sudah menjadi rumah kos sederhana. Macam mana rumah kos rendah boleh dibina dengan harga yang begitu tinggi susah difahami kecuali ada wujudnya penyelewengan. Keadaan kos pembinaan yang jauh melebihi peruntukan telah menyebabkan kerajaan negeri memberikan subsidi dan menanggung kerugian sebanyak RM60.5 juta bila

menjual rumah kos rendah dengan harga RM25,000 di Semenanjung Malaysia dan RM32,000 di Malaysia Timur, RM60.5 juta ini merupakan satu pembaziran yang disebabkan oleh penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kawalan yang tidak profesional dan efisien. Di samping rumah-rumah kos rendah lambat diagihkan menyebabkan ia didedahkan kepada risiko pencerobohan dan kerosakan. Semakan Audit terhadap 3,230 unit rumah di dua puluh projek perumahan di luar negeri mendapati 2,428 unit rumah kos rendah lewat diagihkan antara 4 hingga 72 bulan. Manakala semakan terhadap 3,408 rumah kos rendah di tujuh buah negeri mendapati sebanyak 1,306 unit rumah belum lagi diagihkan, walaupun ia telah disiapkan antara tahun 1982 hingga bulan Februari tahun lepas. Kelewatan dan kegagalan pengagihan ini telah menyebabkan kos tambahan sebanyak RM1.57 juta untuk menanggung kos kawalan keselamatan dan RM633,000 untuk membaiki rumah-rumah yang rosak. Lagi pun jumlah bayaran balik tunggakan rumah kos rendah yang tidak dibayar oleh pembeli adalah sebanyak RM162 juta setakat akhir tahun lepas.

Apa yang lebih mengejutkan ialah pendedahan Ketua Audit Negara bahawa rumah kos rendah diagihkan kepada mereka yang tidak layak. Penyelewengan seperti ini tidak boleh diterima, kerana bukan sahaja pihak yang kaya mendapat faedah, tetapi yang lebih serius lagi ialah pihak miskin dinafikan peluang mencari tempat tinggal. Bilangan besar rumah yang terlibat sebanyak 2,593 unit ataupun 23.6% daripada 9,000 unit yang dibina, yang diagihkan kepada pemohon-pemohon yang tidak layak menunjukkan betapa seriusnya masalah penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam rancangan

rumah kos rendah. Di antara sebabnya yang disebutkan oleh Laporan Ketua Audit Negara adalah yang tidak layak kerana mereka telah mempunyai rumah sendiri, ada yang memiliki sampai tiga atau empat buah rumah dan ada yang tidak layak tetapi menerima rumah kos rendah sungguhpun pendapatan mereka melebihi had yang ditetapkan dan berbagai-bagai sebab yang lain. Tindakan keras harus diambil ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk membuat laporan kepada pihak BPR dan juga menarik balik rumah-rumah yang diberikan kepada pihak yang tidak layak ini.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengapa beliau tidak mengambil sebarang tindakan sedemikian ke atas amalan ini yang sangat tidak adil, malah menganiayai golongan miskin. Adakah Yang Berhormat Menteri enggan berbuat demikian kerana rumah-rumah kos rendah yang diagihkan kepada orang kaya dan pihak yang tidak layak terdiri kebanyakannya daripada pemimpin cawangan MCA, UMNO dan Gerakan.

Saya ingin mendesak dengan keras sekali rumah kos rendah yang diberikan kepada pihak yang tidak layak haruslah ditarik balik dan diberikan kepada orang miskin. Saya rasa kalau ini tidak dibuat ia tidak boleh diterima langsung, malah kerajaan juga mesti mengambil tindakan ke atas pegawai kerajaan yang memberikan rumah kos rendah kepada mereka yang tidak layak. Jelas sekali kerajaan amnya dan Yang Berhormat Menteri secara khasnya telah gagal dalam tanggungjawab menjayakan program pembinaan rumah kos rendah. Adalah perlu satu kertas putih mengenai program rumah kos rendah dibentangkan kepada Parlimen untuk bukan sahaja membincangkan kegagalan

program ini, tetapi untuk menjelaskan kenapa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa boleh berlaku dengan begitu meluas sehingga 24% rumah kos rendah yang dibina diberikan kepada pihak yang tidak layak, yang sudah kaya, yang sudah ada rumah dan mungkin kebanyakannya penyokong dan pemimpin ketua cawangan parti komponen Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya juga sangat kesal bahawa hanya RM30 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan 452 buah kampung baru yang diagihkan kepada dua juta penduduk di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh berbanding dengan RM32 di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Jumlah peruntukan ini sangat kecil iaitu hanya RM6 juta untuk dua juta penduduk setahun ataupun RM3 seorang setahun. RM3 seorang setahun terlalu rendah kalau dibandingkan dengan jumlah cukai yang dibayar setahun oleh mereka sebanyak beratus-ratus ringgit.

Apakah jenis pembangunan yang boleh dijalankan dengan peruntukan RM6 juta kepada 452 buah kampung baru atau hanya RM15,000 untuk sebuah kampung baru. Yang lebih mengejutkan ialah peruntukan pembangunan kampung baru dikurangkan selepas kemenangan besar MCA dalam tahun 1995. MCA dalam pilihanraya besar tersebut berjanji kemenangan besar akan membawa tambahan peruntukan. Kegagalan Yang Berhormat Menteri menuntut peruntukan yang lebih serta kenyataannya bahawa beliau berasa berpuas hati dengan peruntukan yang diberikan adalah sungguh tidak bertanggungjawab dan menunjukkan beliau cakap tidak serupa bikin.

Yang ketiga, adalah dikesali bahawa Yang Berhormat Menteri memberi sokongan partinya kepada Kerajaan Negeri Melaka tidak mematuhi arahan Kabinet pada tahun 1994, bahawa semua rumah kuota bumi yang tidak dapat dijual selepas 6 bulan dilepaskan secara automatik kepada pembeli bukan bumi. Ini dibuktikan bila Yang Berhormat Menteri dua bulan lepas meminta kerajaan negeri memberikan pinjaman khas kepada pembeli bumiputera untuk membolehkan mereka membeli rumah yang dibina ataupun kerajaan negeri membeli rumah bumiputera dan kemudiannya menjual atau menyewakan kepada pihak bumiputera.

Yang Berhormat Menteri sepatutnya memainkan peranan menyuarakan perasaan tidak puas hati masyarakat bukan bumi dengan meminta kerajaan negeri mengurangkan kuota bumi ataupun melepaskannya kepada pembeli bukan bumi sekiranya ia tidak boleh dijual selepas 6 bulan. Adakah adil kalau kerajaan negeri menetapkan kuota bumi sebanyak 50% sehingga 100% di kawasan Parlimen Kota Melaka yang merupakan kawasan bandar di mana lebih 70% terdiri daripada penduduk bukan Melayu. Macam mana pembeli bukan bumi akan mampu atau mempunyai peluang membeli rumah dengan kuota bumi yang begitu tinggi ini? Perlu diingatkan bahawa kuota bumi tinggi akan meningkatkan harga rumah bukan bumi kerana bekalannya yang tidak mencukupi, lagi pun macam mana pemaju perumahan boleh membina rumah kalau sekurang-kurangnya 50% hingga 100% mereka tidak dibenarkan oleh kerajaan negeri untuk dijual.

Di Melaka, Persatuan Pemaju Perumahan telah menganggarkan terdapat 4,657 unit rumah kuota bumi bernilai RM489 juta masih belum dilepaskan oleh Kerajaan Negeri Melaka, sungguhpun telah melebihi had enam bulan yang ditetapkan oleh Kabinet. Ada pemaju perumahan yang telah menunggu tiga tahun untuk melepaskan rumah kuota bumi yang tidak berjaya dan yang tidak dapat dijual, tetapi masih tidak berjaya.

Cadangan Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan negeri membeli rumah kuota bumi akan membantu pemaju perumahan, tetapi tidak pembeli bukan bumi. Pembeli bukan bumi tidak akan bersetuju kalau kerajaan menggunakan wang rakyat termasuk wang mereka untuk membeli rumah kuota bumi dan menafikan peluang mereka untuk membeli rumah. Adalah tidak munasabah dan tidak bertanggungjawab untuk memaksa mereka membeli rumah di luar bandar, bila mereka telah tinggal di kawasan bandar begitu lama, lagi pun untuk penduduk yang terpaksa berpindah selepas pemansuhan Akta Kawalan Sewa pada tahun 2000, macam mana kerajaan akan menyediakan rumah di kawasan bandar. Kalau mereka mahu beli sendiri pun tidak boleh dan tidak dapat kerana dasar rumah kuota bumi yang tidak dapat dijual, tidak mahu dilepaskan oleh kerajaan negeri. Dalam perkara ini saya harap bahawa kerajaan bolehlah memaksa Kerajaan Negeri Melaka mengikut dasar Kabinet atau keputusan Kabinet yang dicapai melepaskan hampir 5,000 unit rumah kuota bumi yang tidak dapat dijual khususnya dalam kawasan bandar, kerana seperti yang saya nyatakan tadi macam mana penduduk-penduduk bandar khususnya bukan bumi, kalau mereka tidak ada peluang

membeli rumah, lebih-lebih lagi apabila penduduk bumi atau pembeli bumi tidak menunjukkan minat untuk membeli rumah tersebut. Kalau mereka ada minat itu perkara lain, tetapi kalau mereka tidak ada minat langsung, tetapi Kerajaan Negeri Melaka masih tidak mahu lepaskannya, saya rasa ini tidak masuk akal dan ini tidak waras serta tidak adil kepada pembeli bukan bumi.

Dalam perkara ini sebelum saya menghabiskan Usul saya, saya ingin menarik perhatian sekali lagi kepada pihak kerajaan bahawa kalau kita benar-benar serius dalam usaha kita untuk mencapai pendemokrasian perumahan, adalah perlu bahawa golongan miskin mempunyai peluang dan mempunyai kemampuan untuk membeli rumah milikan mereka sendiri. Kalau program pembinaan rumah kos rendah yang dilancarkan oleh kerajaan bukan sahaja gagal dari segi atau dalam aspek pembinaannya, tetapi dalam aspek pengagihannya pun terdapat penyelewengan, macam mana kita boleh harapkan, macam mana kita boleh mencapai impian bahawa golongan miskin boleh memiliki rumah sendiri. Saya harap perkara ini bolehlah diambil perhatian yang serius sekali oleh pihak kerajaan, kerana di kawasan saya dan saya percaya di kawasan lain ada banyak keluarga miskin yang memohon untuk membeli rumah kos rendah, tetapi kalau 25% daripada rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan boleh diagihkan kepada mereka yang tidak layak, diagihkan kepada orang kaya. Saya rasa penyelewengan dan kepincangan sedemikian haruslah diatasi dengan segera. Ambillah tindakan keras ke atas pegawai kerajaan yang bertanggungjawab melakukan penyelewengan dalam

pengagihan ini. Tarik balik rumah tersebut dan agihkannya kepada golongan miskin.

Saya harap pihak kerajaan akan mengambil tindakan sedemikian, kalau tidak saya rasa masyarakat penyayang yang dicita-citakan oleh pihak kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan gagal. Apa gunanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melancarkan banyak program perumahan kos rendah, kalau ia akan diagihkan kepada orang kaya, tidak kepada orang miskin.

Sebagai seorang yang datang dari Perlis saya rasa Yang Berhormat pun tahu tentang kedudukan pembinaan rumah kos rendah di Perlis yang sungguh mengejutkan sekali dan harus diambil tindakan serius. Di samping itu, saya juga sebagai seorang Timbalan Menteri yang baru - *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru bolehlah memastikan....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, siapa yang dirujuk, sama ada Yang Berhormat sendirilah atau Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada untuk menjawab kementerian ini, kerana Menteri tidak ada. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru, kalau saya cakap 'saya' saya tarik baliklah. Saya tidak ada hak menjadi Timbalan Menteri. Yang ada hak menjawab saya harap boleh jawab dengan baik, tetapi saya amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri tidak berani untuk datang ke Parlimen menjawab perkara-perkara yang begitu penting, tetapi apabila perkara ini dibangkitkan beliau dengan satu ayat sahaja, kalau saya boleh cakap dalam bahasa Mandarin *[bercakap dalam bahasa Mandarin]* ini bermakna tidak gagal, tetapi tidak mencapai sasaran. Saya rasa penjelasan sedemikian oleh seorang bekas pensyarah ini amat mengejutkan sekali.

Saya rasa saya sudah menyatakan bahawa ini tidak boleh diterima dan ini mempersoalkan kesesuaiannya sebagai seorang Menteri yang betul-betul serius untuk memastikan kejayaan pembinaan rumah kos rendah untuk

golongan miskin. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sini untuk membela Menterinya, saya harap kalau bela, saya tahulah dia akan bela, tetapi dalam hati sendiri dia tahu itu tetap satu kegagalan dan yang tidak boleh....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa Yang Berhormat boleh berhujah, boleh bangkitkan usul, tetapi jangan buat andaian dan sangkaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ini bukan sangkaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Duduklah, apa yang difikir oleh Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sangkaan yang ikhlas kepada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Apa yang difikir oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat tahukah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi itu bukan andaian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...tetapi itu satu harapan yang ikhlas daripada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, buat usul sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, okay. Saya buat usul, saya mengusulkan bahawa saya amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri tidak berani datang dan saya hendak buat usul bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru bolehlah dengan ikhlas menangani masalah serius ini yang saya rasa tidak boleh diterima langsung. Di samping itu, selain daripada masalah penyelewengan dalam pembinaan dan pengagihan rumah kos rendah, adalah diharapkan juga bahawa pihak kerajaan akan memastikan semua pemaju perumahan mega akan memenuhi kuota 30% rumah kos rendah. Sungguhpun ini telah diumumkan oleh pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi Yang Berhormat Menteri tidak pernah melaksanakannya.

Saya telah lihat banyak projek di mana tidak ada rumah kos rendah langsung, sungguhpun ia disifatkan sebagai projek mega. Contohnya, KL Central yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, satu unit rumah kos rendah pun tidak ada. Adakah ini memenuhi aspirasi dan harapan negara kita menjelang tahun 2000 bahawa semua projek mega yang dilancarkan di kota dan juga di bandar tidak mempunyai peruntukan untuk membina rumah kos rendah. Saya harap bahawa

semua alasan yang digunakan tidak harus diterima. Contohnya, di Melaka pun ada peruntukan 30% seperti ini, tetapi apa yang mereka buat ialah mereka tidak payah bina rumah. Macam MALFA di projek Expo negeri Melaka, Syarikat MALFA Bhd., milikan MCA lah apa lagi, mega projek diwajibkan untuk membina 30% rumah kos rendah. Tetapi Kerajaan negeri Melaka memberikan pengecualian dalam bentuk apa - tidak payah bina, hanya berikan sumbangan wang sahaja. Saya rasa itu tidak betul, kerana dari segi sumbangan wang adalah lebih rendah kalau digunakan untuk membina rumah kos rendah.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Buntar bangun. Atas apa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kawan bolehlah.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Yang Berhormat ada mencadangkan tadi di projek KL Central pun tidak ada peruntukan untuk rumah kos rendah. Saya ingin penjelasan sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, KL Central itu sebenarnya bukan projek perumahan, tetapi ia adalah commercial center. Saya dimaklumkan harga tanah sekaki persegi di kawasan KL Central itu ialah kira-kira RM1,000 sekaki persegi. Jadi, macam mana kita boleh buat rumah murah di kawasan itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu saya rasa dari segi kesungguhan tidak ada. Kalau ada kesungguhan tidak ada masalah, tetapi kesungguhan tidak ada. Saya rasa Yang Berhormat pun tidak mampu beli rumah dekat KL Central. Mungkin Yang Berhormat rakan-rakan yang lain mampulah. Saya tidak bersetuju sama sekali dakwaan Yang Berhormat bahawa tidak ada projek perumahan. Saya telah melihat brochure KL Central ada kondominium, ada rumah mewah. Mana tidak ada projek perumahan, ada. Tetapi semuanya mewah-mewah belaka. Macam peringkat saya, mungkin Yang Berhormat mampulah. Peringkat Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada harapan langsung, 10% pun tidak ada harapan. Tetapi kalau mereka boleh menjalankan projek mega, mengapa mereka tidak boleh memberikan peruntukan untuk rumah kos rendah. Adakah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi melancarkannya, mereka ada keistimewaan, mereka ada kekebalan. Tidak payah membeli rumah atau membina rumah kos rendah. Itu yang saya hendak bertanya.

Kalau kerajaan benar-benar serius untuk memastikan golongan miskin cukup rumah, bina rumah pun diagihkan kepada orang kaya, lagi teruk. Tetapi sebelum ini cukup rumah, saya rasa untuk projek mega. Saya rasa untuk projek yang lain kita boleh memberikan kelonggaran. Kerana dari segi

kos subsidi tidak cukup untuk projek-projek ataupun pemaju-pemaju perumahan yang lebih rendah atau bukan mega, saya rasa kita boleh berikan kelonggaran, kerana kos subsidi tidak cukup, tetapi untuk pemaju projek mega, di mana dari segi kos subsidinya mencukupi. Saya rasa kerajaan mesti bertegas sedikit memaksa mereka sekurang-kurangnya memenuhi 30% rumah kos rendah, dan KL Central hanya satu contoh sahaja. Ada lagi banyak contoh yang saya boleh berikan, kalau Yang Berhormat hendak saya ada senarai di sini, baik di Melaka, baik di Kuala Lumpur, baik di Pulau Pinang, baik di semua bandar di mana ada mega projek, dan perkara ini mesti ada konsistensi. Kita mesti bersikap tuntas, kita mesti bersikap konsisten supaya mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab sosial untuk membina rumah kos rendah. Macam projek Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, sungguhpun untuk World Assembly of Youth. Saya pun tidak nampak ada satu unit rumah kos rendah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Silalah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Kota Melaka memang betul bodoh kalau hendak kira.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, perkataan ‘bodoh’ itu unparliamentary. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik baliklah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan gunakan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya tarik balik, sahabat dari Kota Melaka punya fasal. Saya sudah terangkan beberapa kali bahawa Kompleks World Assembly of Youth Foundation di Melaka bukan untuk rumah kos rendah, itu untuk kompleks pentadbiran dan juga untuk komersial seperti membuat convention center, hostel, hotel, kondotel. Ini untuk memberi kemudahan kepada belia-belia antarabangsa dan juga memberi pulangan yang wajar untuk perkhidmatan Yayasan Belia Dunia. Memang projek ini bukan daripada mula dibuat untuk projek perumahan untuk kos rendah ataupun projek perumahan kos sederhana. Ini adalah satu projek khas, Kompleks Belia Dunia. Jadi, macam Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak samakan semua projek mesti ada rumah kos rendah. Di kawasan komersial dan kompleks perniagaan memang tidak ada rumah kos rendah ditetapkan. Jadi, beliau mengambil contoh yang tidak kena. Saya harap beliau faham apa yang sedang

dibuat oleh World Assembly of Youth Foundation supaya tidak beliau menggunakan perkara ini berulang-ulang kali.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka saya hendak mengingatkan Yang Berhormat, saya beri peluang kepada Yang Berhormat supaya dapat berhujah bersabit dengan soal potong gaji RM10. Dan jangan lupa Yang Berhormat, Yang Berhormat sebagai pencadang usul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, padatkan apa yang hendak dibentangkan itu. Sebab nanti selepas ini ada lagi perbincangan bersabit dengan Belanjawan kementerian yang sama.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya patuh. Terima kasih atas ingatan Tuan Pengerusi. Tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa tidak betul juga, kerana saya pun ada lihat kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana selain daripada kompleks perniagaan yang disebutkan pun ada projek rumah mewah, ada kondominium.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau ada kondominium, mengapa orang kaya boleh tinggal, orang miskin tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu serupa juga.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya hendak mencelah sedikit. Saya rasa soal semacam ini bolehlah Yang Berhormat membahaskannya dalam perbincangan Belanjawan nanti, sebab sekarang ini balik kepada usul itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baiklah, saya akan balik kepada usul. Ini saya hendak menjawab kepada...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya dapati jauh sangat. Lagi pun, nanti dahulu, Yang Berhormat. Saya rasa ini sudah cukup Yang Berhormat, nanti ada peluang lagi, sebab yang ini pun Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah ambil 30 minit, tetapi nampaknya belum lagi memohon mencadangkan. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Suruh gulung!

**Tuan Lim Guan Eng:** Baiklah, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana tidak ada peluang. Lain kali kalau saya ada peluang saya akan beri jalan. Tetapi saya rasa apa

yang saya cakap tadi masih pakai juga, iaitu kalau ada rumah mewah untuk projek mega mesti ada peruntukan rumah kos rendah. Di sini saya nampak tidak ada langsung, sungguh pun harga premium tanah diberikan secara khas oleh Kerajaan negeri Melaka kepada World Assembly of Youth.

Atas ingatan yang dibuat oleh Yang Berhormat....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun lagi. Saya sudah cakap tadi.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Pengerusi, saya hendak terangkan bahawa daripada mula kita minta pemberian tanah ini bukan untuk rumah kos rendah, tetapi untuk kondotel.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan, belum lagi beri laluan, dan lagi pun saya sudah beri nasihat tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak akur kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti ada peluang, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akur kepada Tuan Pengerusi. Kalau Tuan Pengerusi cakap boleh beri, saya akan beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat sekian lama di sini tidak tahu peraturan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, itulah sebab saya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya kena hadkan. Kalau macam itu saya terpaksa hadkan masa Yang Berhormat berhujah, saya tidak berniat berbuat demikian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik. Saya pun hendak kerjasama dengan Tuan Pengerusi atas ingatan nasihat Tuan Pengerusi berikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Oleh sebab itu, saya hendak habiskan ucapan saya supaya memberikan peluang kepada ahli-ahli yang lain untuk membahaskan usul saya, iaitu saya hendak mencadangkan di sini bahawa RM10 dikurangkan daripada emolumen Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Butiran 010000 - Program Khidmat Pengurusan dan Kod 10000 Emolumen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sepertimana yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka sekarang terbuka untuk dibahas. Senai.

**5.43 ptg.**

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Pengerusi, penyediaan perumahan yang mencukupi memang telah diberi tekanan oleh kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam bagi memastikan seluruh rakyat Malaysia terutama golongan yang miskin mampu, membeli atau menyewa rumah mereka. Untuk menyediakan bilangan rumah yang mencukupi selain daripada sektor awam sendiri, atas galakan kerajaan sektor swasta juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan rumah kos rendah, sederhana dan tinggi di samping perumahan untuk pekerja ladang dan industri.

Jadi, pencapaian oleh sektor awam adalah rendah dan memang mempunyai sebab-sebab yang tertentu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, masalah tanah, masalah pengagihan rumah murah adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Sebab-sebab ini sebenarnya telah juga diketahui oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri, akan tetapi beliau tidak ambil tahu.

Berhubung dengan peruntukan kampung baru daripada kementerian yang dikatakan tidak mencukupi. Suka saya maklumkan bahawa Yang Berhormat sendiri juga telah faham selain daripada peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, masalah kampung baru juga dapat diselesaikan melalui peruntukan dari pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian di bawah JPS dan Kementerian Pendidikan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, rumah kuota bumi perlu dilepaskan selepas tempoh masa enam bulan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka yang berlaku di negeri Melaka. Perkara ini juga adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Jadi, apa yang berlaku di Kota Melaka sepatutnya Yang Berhormat sendiri merujuk kepada Kerajaan Melaka.

Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju bahawa kerajaan kita sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri memang masih terdapat sedikit-sebanyak kelemahan. Sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab perlu kita membantu kerajaan. Kita boleh membuat teguran, tetapi langkah untuk memperbaiki kelemahan itu perlu kita jalankan. Dalam hubungan ini, saya yakin dan percaya bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah mengambil tindakan serta mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan negeri untuk memastikan kelemahan kerajaan negeri itu dapat diselesaikan.

Bagi DAP, ingin saya katakan di Dewan yang mulia ini DAP memang hanya tahu tegur, DAP hanya pandai merosakkan imej baik kerajaan. Apabila timbul apa-apa masalah DAP akan dengan serta-merta, dengan segera mencadangkan supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan dengan segeranya

mencadangkan supaya usul potong gaji menteri dibentangkan. Kedua-dua taktik ini bukan baru, sudah lapuk, sudah basi, negatif dan memang berbau politik, cukup membuang masa Dewan ini. Sebenarnya sikap DAP ini telah diketahui rakyat jelata. Keputusan pilihan raya kecil bagi Sungai Bakap baru-baru ini sekali lagi membuktikan rakyat memang tidak boleh menerima DAP. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada penduduk-penduduk ataupun pengundi-pengundi di kawasan Sungai Bakap yang dapat membuat satu keputusan yang tepat. Dengan ini, saya mohon usul itu ditolak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

**5.48 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun ingin mohon menolak cadangan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dia sudah lari, tidak berani dengar. Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka cakap keadilan. Sebenarnya apa keadilan beliau. Dia sebut bahawa rakyat di kampung baru tidak berpuas hati tentang jumlah peruntukan diberikan. Memang penduduk di kampung tidak puas hati. Tetapi Yang Berhormat tidak masuk kampung tradisional. Kampung-kampung tradisional pun orang tidak puas hati, tetapi Yang Berhormat tidak tahu. Jalan tar tidak ada, jambatan tidak ada. Dia tidak tahu sebab dia tidak pernah masuk kampung. Jadi, dia cuma hendak pancing undi daripada kaum Cina, dia sebut dalam Dewan ini. Seolah-olah kerajaan tidak memberi pertolongan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kampung baru. Itu tujuannya begitu jelas, kononnya ini keadilan bagi pihak DAP, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Sebenarnya ini bukan keadilan. Penduduk-penduduk dari kampung baru tidak puas hati ini menunjukkan bahawa ini ada keadilan konsep Barisan Nasional. Kalau cuma ada satu kumpulan yang rasa puas hati, maknanya sistem ini atau tafsiran ini mesti ada sedikit masalah. Sekarang orang kampung, kampung tradisional juga tidak puas hati. Di kawasan saya orang Melayu tidak puas hati. Pada masa yang sama orang-orang Cina kampung-kampung baru tidak puas hati juga. Jadi, ini saya rasa sudah menunjukkan bahawa kerajaan telah melaksanakan satu dasar yang adil. Inilah maksud keadilan, bukan maksud keadilan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat dari Kota Melaka 'cakap tak serupa bikin'. Minggu sudah mereka berdiri hendak tinggalkan Dewan kononnya tidak cukup masa untuk bahas. Tengok apa dia bawa, dia bawa satu usul tidak bermakna. Cuma hendak lepaskan geram sahaja depan

pegawai-pegawai kerajaan. Apa itu, lepas kalah dalam pilihan raya, dia hendak lepaskan geram. Lepas itu kita hendak jawab, hendak bahas, dia telah meninggalkan Dewan ini. Itulah sikap DAP. Kepong lainlah, dia masih di sini. Dia pun tidak tahu, dia baru masuk. Dia pun tidak tahu apa yang telah dinyatakan oleh rakan dia.

Jadi, saya pun tidak faham, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka apa dia cakap. Dia cuma baca ini memorandum dari Ketua Audit Negara. *[Sambil menunjukkan buku]* Memang saya setuju banyak masalah dibangkitkan. Tetapi dia tidak baca penjelasan. Masalah dibangkitkan ada penjelasan, seperti pengagihan rumah rakyat. Memang kita mengakui ini satu masalah. Ini bukan masalah kerajaan. Kadangkala kawan Yang Berhormat dari Kota Melaka juga tipu kerajaan, memberikan information yang tidak benar, mempunyai rumah dia cakap tidak ada rumah, bagaimana boleh check. Mesti ada sebahagian kecil perumahan diberikan kepada orang yang tidak layak, memang ada. Oleh kerana itu, saya lihat kerajaan ada satu sistem pendaftaran terbuka berkomputer. Ini telah dilaksanakan, mengapa Yang Berhormat tidak sebut. Dia tidak mahu sebut, cuma hendak bangkit kelemahan-kelemahan.

Kita setuju mesti ada kelemahan, tetapi kita bangkitkan, kita memberi pandangan, kita memberi cadangan supaya kita boleh membaiki kelemahan-kelemahan ini. Ini baru ada standard. Yang Berhormat cakap kampung baru, sebenarnya kalau hendak cadang buat usul, saya cadang tambah RM10 lagi kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mengapa saya cakap macam ini? Sebab Yang Berhormat Menteri memang rajin, setiap kampung baru dia melawat tidak kira siang-malam, hendak cadang potong gaji pula. Ini orang tidak tahu menghargai usaha yang dijalankan oleh kerajaan. Oleh kerana inilah kawan saya sebut. Memang berbau politiklah, saya setuju Yang Berhormat dari Senai.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak setuju dan saya kira ini memang buang masa. Sebenarnya kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh gunakan masa ini untuk memberikan pandangan dan cadangan yang baik, lebih elok. Saya pun tidak faham orang muda macam dia, ada kedudukan dalam parti dia, tengok dia cakap seolah-olah sedunia berhutang kepada dia, termasuk bapa dia juga. *[Ketawa]* Dia cakap keadilan, ini memang tidak berasas. Saya ulang lagi sekali, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memang 'cakap tidak serupa bikin'. Tadi dia cakap dia tidak berhasrat menjadi timbalan menteri. Dia mana ada syarat, dia tidak ada peluang, dia tidak layak. Orang macam ini hendak jadi timbalan menteri rakyat jadi susah. Kawan-kawan macam ini jadi timbalan menteri baru

boleh, baru ada ada standard, bukan Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak jadi timbalan menteri. Tidak dapat jadi, dia cakap tidak hasrat. Dia tidak layak jadi timbalan menteri.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menolak cadangan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong.

**5.55 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, setelah saya meneliti ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka saya mendapati beberapa perkara yang menunjukkan keadaan yang sebenar. Ini menunjukkan, misalnya kegagalan di dalam pembinaan rumah kos rendah oleh kerajaan. Mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, di dalam tercatatnya kegagalan pihak kerajaan, sektor awam membina rumah kos rendah, kerana sasaran yang telah tercapai hanya 36% sahaja. Kalau kita tengok kenyataan atau laporan Ketua Audit Negara kita nampak bukan sahaja 36%, bahkan juga 26%. Ini menunjukkan satu kegagalan yang nyata, siang bagai hari, terang bagai bulan. *[Tepuk]*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Macam Mr. Bean!

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** 'Pokok angšana' tidak faham mengenai siang bagai hari, terang bagai bulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sejak bila 'pokok angšana' boleh faham cakap manusia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak tahulah orang kata dia Pokok Sena, tetapi sebenarnya 'pokok angšana'. *[Ketawa]* Kita nampak ada beberapa orang yang mempertikaikan kenyataan yang nyata ini, kenyataan yang terang ini. Ada yang hendak mengadu buku lidah, bertengkar mulut yang mempertahankan yang tidak boleh dipertahankan.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali di dalam proses demokrasi, di dalam prosedur Dewan Rakyat usul-usul seumpamanya ini menunjukkan pihak DAP hendak membela nasib rakyat, dan menunjuk kepada pihak Barisan Nasional, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa mereka mesti mengkaji kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam kementeriannya untuk mencapai sasaran pembinaan rumah kos rendah. Itu yang penting. Jangan kita bising sangat, 'pokok angšana' apa lagi hendak...

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Senaikah? Bukan Senai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok Sena hendak juga.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Kepong, doktor pakar kulit. Baru-baru ini dia berucap di Nibong Tebal, orang tidak percaya, DAP masih kalah, bawa ke Parlimen pulakah? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, apa soalan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tidak nampak sebarang soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya bertanya baru-baru ini, dia bawa usul ini juga dia kempen di Sungai Bakap, orang tidak percaya, DAP kalah. Jadi, takkan dia bawa ke sini pula. Itu soalnya, patutkah, itu sahaja? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, 'pokok angšana' itulah fasyen dia memang macam itu. Tidak ada penjelasan, tidak ada soalan hendak bangun juga. *[Ketawa]* Tidak hairan saya 'pokok angšana' tidak mengetahui Sungai Bakap. Sungai Bakap pada tahun 1995, majoriti Barisan Nasional ialah lebih 5,327. Sekarang majoriti itu jatuh terjunam sehingga kira-kira 1,000 sahaja, lebih 1,000 sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bermakna majoriti Barisan Nasional di Sungai Bakap sudah hilang lebih 4,000 undi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya dengar ada suara dalang ataupun Yang Berhormat pakai pakar rujuk. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Susah sedikit, Tuan Pengerusi. Di sebelah situ pun ada ramai yang berucap secara tidak rasmi, *[Ketawa]* terutama 'pokok angšana'.

Tuan Pengerusi, keputusan pilihan raya kecil di Sungai Bakap jelas menunjukkan rakyat tidak puas hati kerana pelbagai masalah yang timbul sejak tahun 1995. Ini termasuk pembinaan rumah kos rendah. Sebab di Pulau Pinang hendak bina 9,000 rumah kos rendah untuk lima tahun daripada tahun

1996 kepada tahun 2000, dan juga hendak bina 17,000 rumah kos rendah harga sederhana. Ini bermakna hampir 25,000 unit rumah kos rendah dan rumah kos rendah sederhana. Rakyat di Sungai Bakap tahu. Kalau ikut angka pencapaian kerajaan memang di antara 26% hingga 36% dan keputusan pilihan raya kecil itu jelas menunjukkan rakyat di situ tidak puas hati dengan pencapaian prestasi 26% hingga 36% sahaja.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu berulang-ulang kononnya majoriti kita sudah turun. Sungguh pun dari segi bilangan mungkin turun, tetapi dari segi peratus tidak begitu turun. Sebab kita tahu di mana-mana juga pilihan raya kecil, attendancenya, orang yang keluar mengundi sentiasa kurang. Pada pilihan raya umum attendance di Sungai Bakap itu ada lebih kurang 70% lebih. Tetapi dalam pilihan raya kecil ini hanya lebih kurang 60% sahaja, itu sebabnya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa soal keputusan pilihan raya kecil ini cukuplah. Setakat ini saya belum lagi nampak Yang Berhormat cuba hendak hubungkaitkan kedua-dua ini. Asyik hendak cakap keputusan sahaja, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang rakyat keseluruhan termasuk di Sungai Bakap tidak puas hati dengan pencapaian atau prestasi pembinaan rumah kos rendah.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ada yang bangun. Pokok Sena bangun atas peraturan mesyuarat. Kepong duduk dahulu. Yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak minta penjelasan. *[Ketawa]* Saya memang pegang buku ini. *[Ketawa]* Saya selalu pegang buku ini. *[Ketawa]* Bukan saya kata point of order lagi, tetapi saya hendak tanya dia, majoriti DAP turun itu apa fasal? Barisan Nasional pun turun dan majoriti DAP pun turun juga. Tentang point of order ini...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun ini hendak minta penjelasankah ataupun atas peraturan mesyuarat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi sudah tanya saya, saya hendak beritahulah sedikit. 35(1) dia bercakap macam orang jual ubat, dia tengok ke sini. Dia kena tengok Tuan Pengerusi. Kepong selalu cakap tengok orang lain macam orang jual ubat. Dia doktor kulit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Kepong, sebab masa tidak mengizinkan, saya beri masa yang sama kepada Yang Berhormat dari Kepong untuk berhujah atas usul yang dibangkitkan oleh Kota Melaka....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak ucap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** ....tetapi nampaknya mukadimah ini panjang betul, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan saya tidak mahu ucap, sebab ada gangguan situ, gangguan sini dan bangkitkan soal Sungai Bakap pula, bangkitkan majoriti pula. Saya terpaksa jawab sedikit-sebanyak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana, baru mukadimah belum habis lagi hendak gulung pula.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Berapa minit?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 10 minit sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 10 minit sahaja. Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa pihak kementerian mesti mengkaji semua kelemahan yang wujud di bahagian pembinaan rumah kos rendah. Kerana kita berharap bukan sahaja di Pulau Pinang jumlah mungkin lebih 24,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ketujuh, dan pada keseluruhannya kita hendak menyaksikan bilangan rumah kos rendah yang dibina kelak bukan sahaja mencapai sasaran itu, bahkan juga yang ketinggalan pada masa tempoh Rancangan Malaysia Keenam itu dimasukkan dalam sasaran kita supaya kita boleh wujud lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk rakyat di Malaysia.

Tuan Pengerusi, bukan sahaja macam itu kita berharap pihak kementerian dapat mengkaji sistem pengagihan rumah kos rendah ada pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sistem pengagihan walaupun ada cadangan untuk mengkomputerkan. Kerana komputer ini kadangkala dianggap satu penawar untuk menyelesaikan masalah. Tetapi komputer ini bila kita masukkan senarai-senarai pembeli-pembeli rumah kos rendah di dalamnya, kita mesti buat dengan betul, dengan tepat

tanpa sebarang penyelewengan. Kerana komputer itu dikendalikan oleh manusia juga. Kalau manusia tidak betul, yang meng'key-in'nya tidak betul, maka senarai itu tidak betul juga.

Sebab itu saya merayu bagi rakyat Malaysia dan juga bagi semua Ahli Yang Berhormat, kerana di sini pun ada banyak lidah terkalang sahaja yang tidak berani untuk berucap, tetapi di belakang hendak tikam pula.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk, sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya berharap bukan sahaja kita mesti menentukan sasaran, bahkan sistem komputer disempurnakan dan juga kita mesti mengkaji semula mengapa pihak swasta walaupun ada setengah-setengah enggan membina rumah kos rendah, tetapi pada keseluruhannya pencapaian dan prestasi pihak swasta di dalam projek-projek rumah kos rendah adalah jauh lebih baik daripada sektor awam. Mengapa hal ini boleh berlaku. Ini termasuk di Kulim juga yang sibuk dengan majoriti dan sebagainya dan attendance pula kita dengar hari ini.

**Seorang Ahli:** Merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, baiklah, saya sudah beri cukup masa kepada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya menyeru sekali lagi supaya pihak kementerian jangan sahaja kita adakan janji, bahkan juga kita mesti menepati janji, mengotakan semua janji, kerana apa payahnya menggerakkan bibir atas bawah dengan banyak janji tetapi tidak ditepati. Saya berharap semua janji untuk membina rumah kos rendah dikotakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Gelang Patah, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**6.10 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas tentang usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya terlebih dahulu ingin mengatakan bahawa saya memang tidak menyokong apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk membawa usul ini. Kerana kita semua sedia maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita sentiasa rajin melawat kawasan-kawasan kampung baru yang mana kita boleh nampak pada masa kini keadaan

kampung-kampung baru telah banyak berubah. Banyak jalan di kampung baru telah diturap, telah dibaiki dan dalam keadaan yang baik. Kampung-kampung baru pun berubah wajah lebih bersih dan indah.

Selain daripada itu, saya ingin ambil peluang ini untuk memberikan gambaran yang mana apa yang saya cakap itu benar untuk bukti-bukti yang ada di kawasan Parlimen saya, Gelang Patah, yang mana ada lima buah kampung baru yang telah dilawati oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada masa sekarang dengan usaha Yang Berhormat Menteri itu di beberapa kampung baru kawasan Gelang Patah, saya ingin ambil peluang keemasan, iaitu di pekan kampung baru Gelang Patah pada masa dahulu cuma sebuah balai raya yang buruk, yang kecil sudah lama dibina, tetapi pada masa sekarang dengan usaha Yang Berhormat Menteri dan kerjasama dari pihak berkuasa tempatan, sebuah dewan raya yang baru dengan kos RM1.4 juta telah siap dibina.

Selain daripada itu, di kampung baru Kangar Pulai balai raya yang lama pun telah dirobohkan dan sebuah balai raya yang sedang dibina dan kosnya setengah juta ringgit. Sama juga di sebuah kampung baru lagi iaitu di Kampung Lima Kedai, balai raya yang lama telah pun dirobohkan dan sedang dibina hampir siap sebuah balai raya yang kosnya pun setengah juta ringgit. Ketiga-tiga ini sudah membuktikan bahawa memang ada perubahan besar di kampung baru. Sebab itu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak benar dan tidak sepatutnya dia membawa usul ini.

Selain daripada itu, saya ingin sebutkan di sini tentang kes pembinaan rumah kos rendah. Kita pun perlu sedar bahawa kerjasama dari pihak negeri sangat penting. Kita tidak boleh tujukan kesalahan ini kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana tanpa kerjasama dari pihak berkuasa tempatan dan pihak kerajaan negeri, memang tidak dapat mencapai apa yang ingin dicapai. Yang Berhormat katakan pada masa sekarang cuma capai 26%, ini buktikan ada pencapaian tetapi belum dapat berjaya mencapai matlamat sahaja. Tetapi Yang Berhormat Menteri ada berusaha. Saya hendak sebutkan, di negeri Johor ada satu bukti bahawa sudah berjaya pada masa sekarang di daerah Johor Bahru bilangan pemohon rumah kos rendah cuma 26,000 orang sahaja. Tetapi dengan kerjasama dari kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan usaha Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan usaha daripada Kerajaan Negeri Johor dan kerjasama dari pihak swasta, pada tahun 1999 akan dapat disiapkan lebih kurang 30,000 rumah kos rendah dan kos sederhana dan akan

melebihi bilangan dafatar yang sedang menunggu untuk rumah kos rendah. Pada masa sekarang di daerah Johor Bahru sudah ada tanda bahawa para...

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa ini ialah untuk masa depan, bukan oleh Yang Berhormat. Tetapi kita merujuk kepada Rancangan Malaysia Keenam, iaitu Laporan Ketua Audit Negara, di mana untuk Johor sebagai contoh, hanya 18.5% sahaja sasaran tercapai, iaitu daripada 3,918 rumah yang disasarkan untuk dibina, hanya 715 unit rumah sahaja yang berjaya dibina. Ini dari segi pembinaan.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pengagihan rumah kos rendah yang dibina di mana 25% diberikan kepada mereka yang tidak layak termasuk mereka yang kaya. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa rumah tersebut harus ditarik balik dan diberikan kepada orang miskin, dan tindakan keras diambil ke atas pihak yang bertanggungjawab ke atas penyelewengan itu?

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa pengagihan rumah-rumah kos rendah dan sederhana ini dijalankan oleh pihak kerajaan negeri dan memang mereka ada polisi-polisi tertentu untuk mengagihkan rumah-rumah kos rendah atau kos sederhana itu.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya sebutkan satu misalan yang mana saya kata Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang rajin bekerja, dia giat untuk menjalankan program bersih dan indah, kempen menanam pokok, kerana dia sentiasa peka tentang kempen-kempen ini, beliau sentiasa teliti. Baru-baru ini pada 4 November, dia sendiri sebagai seorang menteri yang bertanggungjawab, dia sebutkan dia tidak puas hati dengan kebanyakan pihak kerajaan negeri yang tidak berkerjasama untuk kempen menanam pokok. Ini keluar dalam surat khabar. Dia katakan pada masa sekarang cuma 153,000 pokok ditanam, dan kempen ini sudah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mac 1996 dan target pertama adalah untuk menanam sebanyak 750,000 pokok di seluruh negara, tetapi hingga 4 November 1997 cuma 153,000 pokok ditanam, iaitu 20.5% sahaja. Dia tidak puas hati dengan pencapaian itu, dan beliau ada sebutkan bahawa target yang kedua untuk tahun 2000 adalah untuk menanam sebanyak tiga juta, dan untuk tahun 2020 sebanyak 20 juta. Tetapi memandangkan ada banyak negeri yang tidak menghantarkan laporan atau tidak ambil bahagian aktif dalam kempen menanam pokok ini, beliau

kesal dengan tindakan mereka. Cuma tiga negeri yang aktif, iaitu negeri Perak, Perlis dan Negeri Sembilan.

Ini adalah satu bukti bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita memang rajin kerja. Sebab itu saya harap pihak pembangkang terutama Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan kerana kekalahan dalam pilihan raya kecil baru-baru ini ambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan usul ini. Beliau sepatutnya perlu memberikan cadangan yang membina walaupun sebagai pembangkang. Lebih baik memberikan cadangan membina daripada sentiasa suka mengkritik sahaja, kerana...

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Tidak ada masa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Lagi pun, Yang Berhormat diingatkan bahawa masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Chang See Ten:** Sedikit sahaja, saya gulung. Oleh yang demikian, saya harap pihak pembangkang terutama Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya orang baru tetapi saya sejak 1995 berada di Dewan ini, saya nampak cara Yang Berhormat dari Kota Melaka suka kritik orang lain sahaja. Dia fikir dia seorang yang seratus peratus tidak ada apa-apa kekurangan, orang lain ada kekurangan. dia suka kritik. Dia seorang muda, lebih baik dia berikan lebih cadangan membina dalam Dewan yang mulia ini untuk dimanfaatkan rakyat jelata negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**6.22 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah tajuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ucapkan terima kasih khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang faham benar-benar tentang masalah perumahan yang dialami oleh negara. Tetapi yang saya ingin menyentuh ialah tentang ucapan pihak pembangkang, khasnya Yang Berhormat dari Kota Melaka, sahabat saya.

Sahabat saya ini nampak seolah-olah dia pandai benar, tetapi dia sebagai seorang buta yang meraba bagaimana hendak mengetahui itu gajah. Dia pegang badan dia kata gajah itu macam dinding. Dia pegang ekor dia kata gajah itu macam tali. Dia pegang kaki dia kata gajah itu macam pokok.

Macam-macam dia punya ramalan, tetapi sebenarnya keupayaan dan maklumat ataupun knowledge-nya itu adalah cetek tidak begitu mengetahui apakah keadaan sebenar yang dicapai dalam negara.

Dia melihat hanya laporan Audit. Tugas Jabatan Audit ialah untuk mengaudit, ia sebahagian daripada kerajaan. Ia membantu kerajaan untuk menganalisa apakah kelemahan-kelemahan yang ada dalam kerajaan. Ini menunjukkan kerajaan menjalankan tugas secara telus, secara yang benar supaya dapat mengatasi segala masalah yang wujud. Tetapi bagi pembangkang dia menggunakan ini sebagai macam dunia sudah hendak runtuh, seperti lalat masuk dalam telinga, bunyinya begitu kuat, dia agak dunia sudah hendak runtuh.

Begitu juga pembangkang, minta maaf kawan saya dari Kota Melaka. Jadi, half knowledge is dangerous kalau kita tidak mengetahui keadaan keseluruhannya, dengan izin. Sebenarnya dari segi prestasi keseluruhannya, kementerian ini bertugas dari segi tanggungjawab perumahan bukan sahaja untuk...

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, saya benarkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, juga sahabat saya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kritikan Yang Berhormat buat tadi terhadap saya adalah kritikan ke atas Ketua Audit Negara, kerana usul saya adalah berdasarkan apabila saya menyentuh tentang perumahan kos rendah adalah berdasarkan laporan Ketua Audit Negara. Seratus peratus saya hendak gunakan laporan Ketua Audit Negara supaya saya tidak dituduh mereka dan menciptanya. Kalau Yang Berhormat menyatakan saya orang buta, saya meraba-raba, sebenarnya Yang Berhormat pun menuduh Yang Berbahagia Ketua Audit Negara buta. Saya rasa itu tidak kena pada tempatnya dan tidak adil, kerana saya berdasarkan laporan Ketua Audit Negara di mana ia diperuntukkan bukan oleh Parlimen, tetapi oleh Perlembagaan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, saya hendak jawab, saya pun baca buku yang sama. Saya mengatakan bahawa laporan Ketua Audit Negara ini hanya ditujukan kepada prestasi kerajaan-kerajaan negeri, prestasi agensi-agensi kerajaan negeri dan prestasi agensi-agensi Kerajaan Pusat untuk membina rumah-rumah murah. Tetapi kementerian ini bukan hanya bertugas, bertanggungjawab hanya untuk bidang kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan negeri yang hanya peratusan yang kecil. Sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertanggungjawab mengenai perumahan bagi keseluruhan negara.

Prestasi keseluruhannya dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah 113% semua jenis perumahan, dan rumah kos rendah dari segi prestasi swasta dan kerajaan-kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan ialah 76%. Tetapi ini hanya menjuruskan dari segi penyelidikan dalam jabatan-jabatan kerajaan dan pihak sektor awam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa di dalam buku Rancangan Malaysia Keenam ia sudah dengan jelas menunjukkan di dalam pembinaan rumah kos rendah hanya kira-kira lebih sedikit 36% sahaja. Adakah angka ini sebagai angka yang tidak boleh diterima, kerana ia sebahagian sahaja. Saya tahu di sektor swasta memang lebih 90% yang mana Yang Berhormat dari Gerik pun mengakui. Yang Berhormat dari Gerik sudah mempersetujui bahawa rumah kos rendah dibina dengan kadar pencapaian yang begitu rendah, tidak sampai 36.5%. Ini hakikat dan kenyataan, adakah Yang Berhormat terima. Saya nampaknya memang tidak pandai mengakui apa yang betul dan apa yang tidak betul.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, kita terima ini kelemahan yang wujud di jentera-jentera kerajaan. Di sektor-sektor awam memang kelemahan ini wujud, dan kita mengakui bahawa laporan audit ini benar. Ini kita tidak nafi. Tetapi...

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan cakap butalah.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tidak. Yang buta ialah oleh kerana kita tidak melihat kepada keseluruhannya prestasi perumahan di seluruh negara yang dipertanggungjawabkan....

**Tuan Amihamzah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Lipis bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay.

**Tuan Amihamzah bin Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah benar bahawa laporan Ketua Audit Negara itu adalah dengan izin, as a part of monitoring system kerajaan untuk mencapai matlamat murninya?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya, saya mengakui dan kita bersetuju bahawa laporan audit ialah sebahagian daripada tugas-tugas untuk membantu kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi. Kita bersetuju bahawa laporannya ini benar, dan kita pun mengakui dalam pada muka 55, kalau saya hendak baca panjang. Yang Berhormat boleh membacanya. Kementerian bersetuju dengan cadangan audit

supaya sistem pengkalan data diadakan di peringkat kementerian dan dihubungkan dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi memastikan pengagihan rumah dibuat dengan teratur dan sebagainya. Kita mengakui, saya tidak menafikan. Cuma yang saya menegur ini ialah bahawa Yang Berhormat hanya melihat laporan audit dari sudut prestasi sektor awam sahaja dan menuduh bahawa kerajaan gagal.

Sebenarnya prestasi keseluruhan kerajaan bagi rumah murah seluruh negara ini adalah 76%, dan kita mengakui bahawa sektor swasta yang menonjolkan prestasi yang baik. Sebab itu kita mengadakan seluruh negara hari ini kita telah berjaya dalam sistem penswastan. Bermacam-macam sistem kita gunakan untuk kita menswastakan perjalanan supaya segala kemudahan kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat dengan lebih efisien.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukankah kalau sedemikian adalah lebih teruk, kerana wang rakyat yang terlibat apabila projek dijalankan oleh kerajaan, kerana wang yang dibazirkan ialah wang rakyat, di mana sebuah rumah yang asalnya RM11 ribu dibina dengan harga RM32 ribu di Semenanjung dan RM40 ribu di Sarawak. Ini wang rakyat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya bangun, saya hendak tangkap masa. Dengan hujah Yang Berhormat itu saya mengakui bahawa Yang Berhormat buta huruf mengenai pembangunan. Buta huruf oleh kerana Yang Berhormat tidak tahu berapakah kosnya untuk membina rumah yang dijual RM25 ribu. Tanyalah siapa pun, siapa yang boleh membina rumah kos rendah RM25 ribu ke bawah dengan tanah-tanah berpaya, tanah-tanah yang perlu piling dan mendapat kos di bawah RM25 ribu, tanya sesiapa pun tidak boleh membuatnya. Semua kerajaan negeri yang telah membina harganya lebih, kosnya lebih oleh kerana memang kosnya tinggi, infrastrukturnya tinggi tetapi dikhaskan, disyaratkan jualannya mesti tidak lebih RM25 ribu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau dipaksa, pihak swasta boleh buat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, walaupun hangat...

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya tidak beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** ....masa sudah suntuk, hari sudah suntuk. Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung esok.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***